



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.05 | SUBUH 5.15 | SYURUK 6.36 | DUHA 6.59 | ZUHUR 12.34 | ASAR 3.55 | MAGHRIB 6.29 | ISYAK 7.42 | Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 11

25 JANUARI 2025 / 1446 ربیع 25

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانیسش ایمان

TAFSIRNYA :

"Dan Tuhan kamu berfirman : Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa permohonan kamu".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Mu'min, ayat 60.

SEKOLAH PEGAWAI KADET LAHIRKAN PEGAWAI TENTERA BERWIBAWA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-23 yang berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kampung Tanah Jambu.
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



TANAH JAMBU, Khamis, 23 Januari. - Sekolah Pegawai Kadet secara keseluruhannya telah berjaya melahirkan seramai 862 orang pegawai tentera yang berwibawa yang terdiri daripada 859 Pegawai Kadet tempatan, dua orang pegawai dari Malaysia dan seorang Pegawai Kadet dari Republik Singapura.

Pencapaian yang membanggakan ini menjadi bukti jelas bahawa Sekolah Pegawai Kadet telah mencapai taraf yang tinggi sehingga turut diiktiraf oleh negara-negara sahabat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-23 yang berlangsung di Padang Kawad

Akademi Pertahanan (AP), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kampung Tanah Jambu.

>> Muka 3

Berkenan hantar titah perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Türkiye, Tuan

Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan, kerajaan serta rakyat Republik Türkiye berikutan tragedi kebakaran di Wilayah Bolu, Republik Türkiye baru-baru ini.

Ekosistem startup perlu berkembang, selari dengan trend global

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

GADONG, Khamis, 23 Januari. - Dalam landskap ekonomi yang berkembang pesat hari ini, kemampuan untuk berskala (*scalability*) dan berdaya tahan (*resilience*) adalah elemen penting bagi startup yang ingin berjaya.

Seiring perubahan pasaran dan cabaran global, perniagaan yang tidak mampu

berinovasi atau menyesuaikan diri akan ketinggalan, manakala yang menerima perubahan, teknologi dan idea baharu akan berada di landasan kejayaan jangka panjang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dalam ucaptama semasa Sidang Kemuncak

Startup Brunei (BSS) Edisi Ke-2, menekankan bahawa kemampuan untuk berskala adalah penting kerana ia membolehkan perniagaan memanfaatkan peluang dengan pantas dan mengekalkan pertumbuhan, sama ada melalui teknologi, pengembangan pasaran atau menarik pelaburan baharu.

>> Muka 11

Komitded memupuk perkongsian dengan rakan Badan Kehakiman luar

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Januari. - Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri

Paduka Steven Chong Wan Oon mengongsikan perkembangan utama pada 2024 semasa Majlis Pembukaan Tahun Undang-undang 2025 berlangsung di Bangunan

Mahkamah Tinggi - Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini.

>> Muka 14

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
f Pelita Brunei i pelitabrunei X pelitabrunei

Berita Utama



KERJASAMA kukuh memacu keamanan, kestabilan rantau ASEAN
Muka 15



UBD, Snibe tandatangani MoU
Muka 18



PAMERAN VIBE serahkan hasil kerja kreatif pelajar Kolej IGS
Muka 24



Muka 28



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap pada Majlis Pelancaran Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan 2025 bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan pada Rabu, 15 Januari 2025.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen
Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil
Anbiyaie Mursalin
Saidina Muhamadin Wa'ala
Alihi Wasahbihi Ajma'in

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini di Majlis Pelancaran Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan 2025. Selawat serta

Komited menghapuskan kanser serviks menjelang tahun 2030

salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kanser serviks adalah kanser keempat paling lazim berlaku di kalangan wanita di seluruh dunia. Pada tahun 2022, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, dianggarkan sebanyak 660,000 kes baharu kanser serviks dan sebanyak 350,000 kematian akibat kanser serviks dicatatkan. Di Negara Brunei Darussalam pula, bagi tempoh tahun 2019 sehingga 2023, seramai 127 orang wanita telah disahkan menghadapi kanser serviks iaitu di antara 23 hingga 32 orang setahun, dan dengan jumlah kematian sebanyak 51 orang dalam tempoh yang sama.

Secara amnya, lebih daripada 99 peratus kes kanser serviks adalah dikaitkan dengan jangkitan *human papillomavirus* atau HPV, iaitu sejenis virus yang biasanya berjangkit melalui hubungan kelamin. Kebanyakan jangkitan HPV ini akan sembuh secara spontan dan tidak menyebabkan sebarang gejala. Namun, jangkitan *high-risk* HPV atau HPV berisiko tinggi yang berterusan boleh mengakibatkan kanser serviks.

Jangkitan *human papillomavirus* atau HPV ini boleh dikesan pada tahap yang awal dengan mudah melalui ujian saringan khusus, iaitu ujian HPV yang boleh dilakukan oleh profesional kesihatan ataupun para wanita sendiri, iaitu secara *self-sampling*. Wanita yang dikesan mempunyai jangkitan HPV selalunya akan dinasihatkan untuk hadir bagi pemeriksaan dan penilaian lanjut oleh doktor.

Jangkitan HPV juga boleh dicegah dari

awal dengan pemberian vaksinasi terhadap HPV. Di Negara Brunei Darussalam, Program Vaksinasi HPV Kebangsaan telah dijalankan sejak awal tahun 2012 di kalangan pelajar perempuan yang berumur di antara 13 hingga 17 tahun dengan mencatatkan liputan vaksinasi yang tinggi, iaitu melebihi 90 peratus untuk dua dos vaksin setiap tahun dari tahun 2019 hingga 2023.

Program-program vaksinasi dan saringan, serta rawatan awal bagi sebarang perubahan pra-kanser adalah strategi-strategi yang berkesan bukan sahaja dapat mencegah kanser serviks dan meningkatkan *survival* bahkan sangat menjimatkan kos rawatan kepada pihak kerajaan. Langkah-langkah tersebut juga adalah selaras dengan inisiatif Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu untuk menghapuskan kanser serviks menjelang tahun 2030.

Kementerian Kesihatan juga telah memperkenalkan saringan bagi kanser serviks dengan menggunakan ujian genomik HPV. Dalam pengurusan risiko kanser, ujian genomik dapat mengesan mutasi dalam gene yang dikaitkan dengan peningkatan risiko kanser. Wanita yang dikesan mempunyai mutasi ini akan dipantau dengan lebih intensif sama ada mereka ini memerlukan ujian lebih lanjut, rawatan atau pembedahan sebagai langkah pencegahan yang lebih awal bagi mengurangkan risiko komplikasi yang serius. Ujian genomik HPV juga boleh membantu dalam merancang rawatan kanser yang lebih tepat berdasarkan profil genetik tumor, memaksimumkan keberkesanannya rawatan dan mengurangkan kesan sampingan.

Bersempena dengan Bulan Kesedaran

Kanser Serviks pada tahun ini dan selaras dengan usaha-usaha untuk meningkatkan serta memperkuatkannya lagi langkah-langkah pencegahan dan kawalan kanser serviks di negara ini, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa tindakan yang tertumpu termasuk pengemaskinian Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan 2025 yang akan dilancarkan pada hari ini. Garis Panduan ini diharap akan dijadikan sebagai satu sumber komprehensif yang mengandungi amalan dan saranan berdasarkan bukti terkinidi bagi mencegah dan merawat kanser serviks untuk digunakan oleh para profesional penjagaan kesihatan dan penggubal dasar.

Dengan adanya garis panduan ini nanti, setiap jabatan atau pihak yang berkepentingan akan dapat memainkan peranan masing-masing dalam memastikan segala tindakan yang diambil adalah menurut piawaian serta prosedur kerja yang disarankan, bagi melindungi, merawat dan memberi perkhidmatan terbaik kepada setiap pesakit.

Selain daripada garis panduan tersebut, dan sebagai langkah untuk memudahkan golongan wanita untuk memperolehi ujian HPV, saya suka cipta mengongsikan bawah mulai hari ini, orang ramai akan dapat membuat pendaftaran untuk ujian saringan HPV melalui ciri Penilaian Risiko (Risk Assessment) di aplikasi BruHealth. Dengan adanya akses yang mudah ini, para wanita yang layak untuk menjalani ujian saringan tersebut akan dapat menempah tarikh, waktu dan klinik yang diingini untuk menjalani ujian HPV.

>> Muka 14

WAKTU SEMBAHYANG

25 JANUARI 2025

Sembahyang fardu 5 waktu penghapus dosa

DALAM kehidupan seorang Muslim, mendirikan sembahyang fardu lima waktu merupakan ibadah wajib dan utama yang mesti dijaga. Sembahyang bukan sahaja boleh memperkuatkannya keimanan kita bahkan juga merupakan tanda ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Apabila kita menjaga sembahyang fardu lima waktu dengan penuh tertib, khusyuk dan dengan kesabaran insyaAllah kita akan memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Mendirikan sembahyang fardu lima waktu dengan khusyuk akan memperkuatkan seorang Muslim dari segi mental dan emosi kerana ia akan bertindak sebagai benteng bagi yang mencegah kita daripada melakukan perkara-perkara keji dan mungkar. Seperti Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45 : "Bacalah wahai Nabi Muhammad apa yang diwahyukan kepadamu daripada Al-Quran dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar manfaat dan kesannya dan Allah mengetahui apa yang kamu perbuat".

Melalui ibadah sembahyang juga, seorang Muslim akan belajar dan melatih diri untuk bijak mengatur masa dan mendisiplinkan diri untuk komited kepada tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Untuk Sembahyang Subuh, kita akan bangun awal sebelum terbitnya matahari dan mempersiapkan diri untuk menuaik Sembahyang Subuh dan selepas itu barulah kita meneruskan hal-hal berkepentingan yang lain. Begitu juga dengan waktu sembahyang yang lainnya. Adalah baik untuk kita mendahulukan dulu sembahyang sebelum meneruskan hal-hal lain. Jika seorang Muslim itu berdisiplin dengan solatnya sejak awal pagi hingga ke Isyak, pastinya akan terhasil seorang yang berdedikasi dalam kehidupan harianya.

Apabila kita menjaga sembahyang fardu lima waktu yang diwajibkan ke atas kita, kita juga sebenarnya sedang membersihkan dan mensucikan diri kita bukan sahaja dari segi rohani akan tetapi dari segi jasmani kerana setiap kali kita hendak mendirikan sembahyang kita dimestikan untuk mensucikan diri. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam : Maksudnya : "Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu : Bahwasanya dia pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "Jika ada suatu sungai di depan rumah seorang yang di situ dia mandi lima kali dalam sehari, masihkah ada kotoran pada dirinya?" Para sahabat menjawab : "Tidak ada sedikit pun kotoran yang tersisa pada dirinya". Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Begitulah perumpamaan sembahyang fardu lima waktu yang dengannya Allah menghapus dosa orang yang mengerjakannya". (Riwayat Imam Al-Bukhari). - Ketua Penyuntingan (Nr)

JANUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	SABTU	25	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
26	AHAD	26	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
27	ISNIN	27	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
28	SELASA	28	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.56	6.30	7.43
29	RABU	29	5.05	5.15	6.36	7.00	12.34	3.56	6.30	7.43
30	KHAMIS	30	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
31	JUMAAT	1 SYAABAN	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
31 24 °C	31 24 °C	30 24 °C
Pekan Bangar		
31 24 °C	31 24 °C	30 24 °C
Pekan Tutong		
31 24 °C	31 24 °C	30 24 °C
Kuala Belait		
31 24 °C	31 24 °C	30 24 °C
Wallauhala Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابن قراغن، جابن فردان منتری دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرین بحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

TERUS TINGKATKAN PROFESIONALISME MEMELIHARA KESELAMATAN, KEDAULATAN NEGARA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Haji Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TANAH JAMBU, Khamis, 23 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan keyakinan melalui Pemodenan Pendidikan Tentera Profesional Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Penubuhan Fakulti Pengajian Tentera di Akademi Pertahanan melalui Memorandum Persefahaman di antara Kementerian Pertahanan dan Universiti Brunei

Darussalam (UBD) akan membawa kepada pengembangan lebih berkesan, efisien dan sentiasa relevan dengan peredaran masa.

Manakala Fakulti Pengajian Tentera itu pula titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, akan mendukung hasrat negara ke arah pembelajaran sepanjang hayat dengan menghasilkan Pegawai-pegawai ABDB yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi menepati antara matlamat Wawasan Brunei 2035.

Demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-23 yang

berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan (AP), ABDB, Kampung Tanah Jambu.

Namun pada hemat baginda, pendidikan tinggi sahaja belumlah memadai.

Baginda bertitah menekankan, ABDB juga perlu mendedahkan para anggotanya kepada penglibatan dalam operasi-operasi yang kompleks seperti Operasi Bersepada dengan agensi-agensi keselamatan Negara Brunei Darussalam (NBD), Operasi Bantuan Kemanusiaan dan Pemulihan Bencana (HADR) seperti Operasi Badai Taduh yang belum lama ini disertai di Republik Filipina dan Independent Decommissioning Body, Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) di Republik Filipina serta Misi Operasi Bantuan Keamanan, Pasukan Interim Bangsa-Bangsa Bersatu di Lebanon (UNIFIL).

"Beta muahu penglibatan seperti ini dipertingkatkan, supaya ABDB dapat terus meningkatkan tahap profesionalisme dalam memelihara keselamatan dan kedaulatan negara, di samping turut memberikan sumbangan bernilai kepada negara luar dan antarabangsa," tegas titah baginda.

Akhirnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-23 yang berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan (AP), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kampung Tanah Jambu.

kepada seluruh warga AP, khususnya kepada Komandan AP, pegawai pemerintah, pegawai-pegawai, Colour Sergeant, School Sergeant Major, jurulatih dan kakitangan Sekolah Pegawai Kadet di atas pengorbanan dan dedikasi mereka dalam melatih dan mendidik Pegawai-pegawai Kadet dan menjayakan Upacara Sovereign's Parade pada pagi itu.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga, baginda

tujukan kepada para ibu bapa, penjaga serta ahli keluarga di atas suntikan semangat, bimbingan dan sokongan yang berterusan sehingga mereka berjaya mengharungi latihan yang sangat bermakna dan mencabar ini.

Kepada semua penerima anugerah, baginda bertitah mengucapkan tahniah dan syabas, seterusnya mengurniakan tauliah kepada 52 orang Pegawai Kadet, Pengambilan Ke-23.



ANTARA yang hadir pada Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-23.



SEKITAR Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-23 yang berlangsung di Padang Kawad AP, ABDB, Kampung Tanah Jambu.

Sekolah Pegawai Kadet lahirkan pegawai tentera berwibawa

>> Muka 1

Menurut titah baginda, penyertaan baharu dari Republik Indonesia dan Kerajaan Thailand pula bagi pengambilan ke-24 nanti akan menaikkan lagi profil Sekolah Pegawai Kadet selaku Pusat Kecemerlangan Latihan Pegawai Kadet.

Dalam perkara ini, Kebawah

Duli Yang Maha Mulia bertitah mengucapkan syabas kepada Sekolah Pegawai Kadet ABDB.

Baginda mengambil maklum bahawa seramai 52 orang Pegawai Kadet dari pengambilan ke-23 telah berjaya menamatkan latihan Pegawai Kadet selama 48 minggu termasuk seorang Pegawai Kadet dari Angkatan Tentera Malaysia.

Dalam titah baginda juga menzhahirkan rasa gembira mengetahui seorang Pegawai Kadet yang mengikuti pengambilan ini adalah penerima Biasiswa Pemerintah Tertinggi ABDB dengan lepasan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan telah menamatkan latihan dan sekarang bertugas selaku Pegawai Perubatan di

Khidmat Perubatan dan Kesihatan Tentera Darat Diraja Brunei.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah menzhahirkan rasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya juga, dapat hadir pada pagi yang permai itu untuk menyaksikan Upacara Sovereign's Parade

Pengambilan Ke-23.

Dengan rasa amat gembira, baginda bertitah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Pegawai-pegawai Kadet di atas persembahan perbarisan mereka kerana ianya jelas memperkenalkan mutu disiplin yang tinggi dan semangat keperwiraan serta regimentasi berpasukan yang berkesan.

SOVEREIGN'S PARADE TAULIAHKAN 52 PEGAWAI KADET



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-23 yang berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan (AP), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kampung Tanah Jambu. Turut berangkat, paduka anakanda baginda (atas dan kiri).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Haji Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TANAH JAMBU, Khamis, 23 Januari. - Upacara Sovereign's Parade hari ini menyaksikan

seramai 52 Pegawai Kadet yang terdiri daripada 39 pegawai lelaki dan 13 pegawai wanita telah

ditaluihkan pada majlis yang berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kampung Tanah Jambu, di sini.

Daripada jumlah berkenaan, 25 Pegawai Kadet ditaluihkan sebagai Pegawai Tentera Darat

Diraja Brunei (TDDB), 17 Pegawai Kadet ditaluihkan sebagai Pegawai Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), sembilan Pegawai Kadet ditaluihkan sebagai Pegawai Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan

seorang Pegawai Kadet Antarabangsa ditaluihkan sebagai Pegawai Tentera Darat Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanrah Agama ABDB, Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Japar (kiri), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada upacara berkenaan.



UPACARA Sovereign's Parade menyaksikan seramai 52 Pegawai Kadet yang terdiri daripada 39 pegawai lelaki dan 13 pegawai wanita telah ditaluihkan (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) kepada Pegawai Kadet Nor Azwar Zuwairey bin Haji Norshamli; Anugerah Terbaik Akademik kepada Pegawai Kadet Dayangku Nur Mutawakkilah binti Pengiran Haji Mohd. Ali; Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera kepada Pegawai Kadet Muhd. Nizam Saaduddin bin Mohd. Yusof, TLDB dan Anugerah Terbaik Ketahanan Jasmani kepada Pegawai Kadet (U) Muhd. Irfan Affendy bin Muhd. Eddy Rizwan Affendy (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



>> Muka 4

Pentaulahan berkenaan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi

Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-23, Sekolah Pegawai Kadet ABDB.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd.

Yussof dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan seterusnya memeriksa Pasukan Perbarisan yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-23, Sekolah Pegawai Kadet, ABDB di bawah perintah Pegawai Perbarisan, 1201 Kapten Nursazwilla binti Rosdie.

Semasa upacara berkenaan, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah dan kemudiannya diikuti dengan pengurnianan anugerah kepada Pegawai-pegawai Kadet Terbaik bagi Pengambilan Ke-23.

Pengurnianan anugerah-

anugerah didahului dengan Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) kepada Pegawai Kadet Nor Azwar Zuwairey bin Haji Norshamli. Anugerah berkenaan merupakan penghormatan tertinggi yang dianugerahkan kepada Pegawai Kadet dan simbol kecemerlangan terbaik secara keseluruhan aspek latihan.

Baginda seterusnya mengurniakan Anugerah Terbaik Akademik kepada Pegawai Kadet Dayangku Nur Mutawakkilah binti Pengiran Haji Mohd. Ali berdasarkan kepada keputusan keseluruhan akademik yang cemerlang di sepanjang latihan.

>> Muka 6



SEKITAR Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-23 (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada upacara berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 5

Manakala pengurniaan Anugerah Terbaik Kemahiran

Tentera dianugerahkan kepada Pegawai Kadet Muhd. Nizam Saaduddin bin Mohd. Yusof, TLDB, berdasarkan kepada

keputusan keseluruhan dalam mata pelajaran kemahiran tentera yang cemerlang, dan akhir sekali

Anugerah Terbaik Ketahanan Jasmani kepada Pegawai Kadet (U) Muhd. Irfan Affendy bin Muhd. Eddy Rizwan Affendy bagi mengiktiraf pencapaian

cemerlang beliau dalam latihan jasmani.

>> Muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambah (kiri dan atas).



KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra dan bergambar ramai bersama para Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan (kanan dan atas).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 6

Sembah 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' kemudiannya dilauangkan sebanyak tiga kali oleh Pasukan Perbarisan, diikuti dengan bacaan doa oleh Pemangku Pengarah Jabatanrah Agama ABDB,

Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Japar.

Dari padang kawad, Kebawah DYMM dijunjung berangkat ke Dewan Istiadat Akademi Pertahanan ABDB dan seterusnya berkenan menerima pesambah yang dinamakan 'Al-Intisar Al-Basala' yang bermaksud 'Kejayaan dengan

Keberanian'.

Buku Perjalanan yang mendokumentasikan latihan ketenteraan intensif selama 48 minggu yang telah dilalui oleh Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-23 sejak 12 Februari 2024.

Kebawah DYMM kemudian berkenan menerima junjung

ziarah daripada Pegawai-pegawai Kadet yang baru ditauliahkan bersama dengan keluarga masing-masing.

Kebawah DYMM turut berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan dan sesi bergambar ramai sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Upacara Sovereign's Parade adalah kemuncak latihan ketenteraan intensif Sekolah Pegawai Kadet ABDB yang bertujuan bagi melengkapkan pegawai-pegawai yang baharu ditauliahkan dengan ilmu pengetahuan, disiplin, profesionalisme dan kemahiran kepimpinan.



KEBAWAH DYMM berkenan berangkat ke Dewan Istiadat AP ABDB dan seterusnya berkenan beramah mesra (atas dan kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan bergambar ramai bersama Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan bersama keluarga (kanan), manakala gambar kanan sekali, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mendengarkan sembah penerangan.



BINCANG KERJASAMA DUA HALA BERKEPENTINGAN BERSAMA



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kesatuan Luar Negeri, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Than Swe yang diadakan di Istana Nurul Iman (atas dan kiri).

mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kesatuan Luar Negeri, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Than Swe yang mengadakan Lawatan Rasmi ke negara ini selama dua hari.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kesatuan Luar Negeri, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Than Swe yang diadakan di Istana Nurul Iman (atas dan kiri).

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama membincangkan isu-isu kerjasama dua hala, serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

Perbincangan juga meliputi perkembangan di ASEAN dan perkembangan di Myanmar termasuk pelaksanaan Konsensus Lima Perkara

(Five-Point Consensus) yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Pemimpin-pemimpin ASEAN pada 24 April 2021 di Jakarta.

Menyertai TYT semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Director-General, Planning and Administrative Department, Kementerian Luar Negeri Republik Kesatuan Myanmar, Mr. Myint Naing Oo; dan

Kuasa Usaha Sementara, Kedutaan Besar Republik Kesatuan Myanmar di Negara Brunei Darussalam, Ms. Khin Sandar.

Juga hadir semasa Majlis Mengadap di Istana Nurul Iman itu ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul di Istana Nurul Iman.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merakamkan ucapan tahniah atas kepimpinan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 serta kepada Yang Berhormat selaku Presiden Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) pada tahun ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Berhormat juga telah berbincang mengenai hubungan kerjasama dua hala

di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia, termasuk kerjasama di antara Majlis Mesyuarat NBD dan Parlimen Malaysia serta isu-isu serantau dan antarabangsa.

Yang Berhormat serta rombongan berada di negara ini bagi mengadakan Lawatan Kerja selama tiga hari, yang merupakan sebahagian daripada beberapa siri lawatan ke Parlimen Negara ASEAN sebagai persiapan Parlimen Malaysia untuk mempengerusikan AIPA pada bulan September nanti.

Lawatan ini juga adalah sebagai usaha untuk memperkuatkannya lagi kerjasama antara institusi legislatif ASEAN, termasuk NBD.

Turut hadir semasa Majlis Mengadap tersebut ialah delegasi Malaysia yang terdiri daripada Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Sharik bin Haji Shamsudin; Ahli Parlimen Malaysia bagi Bangi, Selangor, Yang Berhormat Syahredzan bin Johan; Ahli Parlimen Malaysia bagi Gopeng, Perak, Yang Berhormat Tan Kar Hing; dan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Puan Nur Ezira Mahadi selaku Kuasa

Usaha Sementara Suruhanjaya Tinggi Malaysia di NBD.

Juga hadir ialah Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato

Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.




BERKENAN MENERIMA MENGADAP PANGLIMA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab. Rahman (atas dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan

menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab. Rahman di Istana Nurul Iman.

Mengiringi Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad ialah Kuasa Usaha Sementara, Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Nur Ezira Mahadi; dan Pegawai-pegawai Kanan dari Angkatan Tentera Malaysia.

pelbagai hala khususnya dalam Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) yang menegaskan komitmen kedua buah negara terhadap keamanan negara berjiran dan juga kerjasama keselamatan serantau.

Lawatan kali ini merupakan Lawatan Perpisahan Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad ke NBD.

Yang Berbahagia adalah Panglima Angkatan Tentera Malaysia yang Ke-22 dan akan menamatkan perkhidmatan dan menyerahkan tumpuk kepimpinan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia pada Jumaat, 31 Januari 2025.

Yang Berbahagia dan rombongan berada di negara ini selama dua hari mulai 21 hingga 22 Januari 2025.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan bergambar ramai.

DPMM berkenan menerima mengadap delegasi Parlimen Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul, berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Turut hadir semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin; Ahli Parlimen Malaysia bagi Bangi, Selangor, Yang Berhormat Syahredzan bin Johan; Ahli Parlimen Malaysia bagi Gopeng, Perak, Yang Berhormat Tan Kar Hing dan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul (atas dan atas kanan).

Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Nur Ezira Mahadi selaku Kuasa Usaha Sementara Suruhanjaya Tinggi Malaysia di NBD.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



Juga hadir ialah Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja,

Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

53 PELAJAR JIS TERIMA ANUGERAH CEMERLANG PEARSON



■ Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

JERUDONG, Jumaat, 24 Januari.

- Berikutan keputusan cemerlang dalam Peperiksaan IGCSE dan BCGCE 'A' Level yang dicapai oleh para pelajar Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) pada tahun 2024, seramai 53 pelajar telah menerima Anugerah Cemerlang Pearson (Pearson Excellence Award) yang berprestij.

Anugerah Cemerlang Pearson diberikan setiap tahun oleh Pearson Education kepada pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam pelbagai subjek dalam peperiksaan mereka.

Untuk layak, pelajar perlu memperoleh sekurang-kurangnya lima subjek dengan Gred 7 atau lebih tinggi (setara dengan Gred A atau A*) dalam IGCSE atau tiga subjek dengan Gred A atau lebih tinggi pada peringkat BCGCE 'A' Level.

Pelajar yang mencapai tujuh subjek dengan Gred 7 atau lebih tinggi termasuk paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Selain itu, pelajar yang turut mencapai tujuh subjek dengan Gred 7 atau lebih tinggi ialah Sai Ananya, Cherin Chikh-Ali, Imane Er-Rahmani, Bertie Scott, Clare Lee, Mintong Li, Nigel Lim, Shin Khant Lin, Sara Ng, Muhammad Danish Luqman Saidin Hidayat, Lynn Tan, Jovan Tang dan Chloe Yung.

Seterusnya, terdahulu, dalam

Kategori BCGCE 'A' Level, empat pelajar menerima anugerah tersebut atas pencapaian luar biasa mereka iaitu Muhammad Afiq bin Abdul Rahman, Nidhi Kulkarni, Synyee Yeo dan Yong Tsen Lim.

Muhammad Afiq bin Abdul Rahman yang merupakan pelajar di bawah Biasiswa Kementerian Pendidikan di JIS, kini merupakan Sultan's Scholar yang melanjutkan pengajian dalam bidang Matematik di University College London (UCL).

Dalam Kategori IGCSE, seramai 49 pelajar menerima Anugerah Cemerlang Pearson, yang mana Rahmah Isa menerima anugerah tersebut setelah mencapai sembilan subjek dengan Gred 7 atau lebih tinggi dalam peperiksaannya.

Seterusnya, beberapa pelajar juga menerima anugerah kerana mencapai lapan subjek dengan Gred 7 atau lebih tinggi iaitu Isaac

Chang, Dhanushan Chinniah, Isla Hallam, Awangku Abdul Hadi Raiyan bin Pengiran Datu Paduka Osman dan Claudie Teo.

Mereka yang mencapai enam subjek dengan Gred 7 atau lebih tinggi adalah Ayden Zahari bin Abdul Hakeem, Soubhik Bandyopadhyay, Abdul Mateen El-Wally bin Fakhruddin, Amber Goh, Ashley Lim, Syasya Ilyana Kiasatina Haji Mohamad Adnan, Muhammad Al Hakeem Haji Mohamad Sahraini, Jaey On, Camilia Ong, Duncan Schuller dan Adrienna Yeo.

Pelajar yang mencapai lima subjek dengan Gred 7 atau lebih tinggi termasuk Md. Wali bin Alidi, Allyshasha Rani Alymashrol, Dominic Christian, Muhammad Muazzam bin Haji Elmi, Md. Ilyas bin Haji Ilham Rohaidi, Marissa Koh, Maryam Safwa binti Mazini, Awangku Umar bin Pengiran Md. Fakhrul Amiruddin, Alisha Dhaniyah Md. Azmi Yusran,

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai bersama para penerima Anugerah Cemerlang Pearson.

Saarah Rania Nasrul Muhammin, Spandita Nayak, Jessy Ng, Dawangku Aman Zarina binti Pengiran Izad-Ryan, Ian Sia, Toby Stevens, Travis Tan, Grace Taylor, dan Mihikaa Vijay Shankar.

Antara penerima Anugerah Cemerlang Pearson juga ialah beberapa pelajar di bawah biasiswa tajaan Kementerian Pendidikan JIS termasuk Md. Wali bin Alidi, Md. Ilyas bin Haji Ilham Rohaidi, Allyshasha Rani Alymashrol, Maryam Safwa binti Mazini dan Muhammad Al Hakeem Haji Mohamad Sahraini.

"Jumlah Anugerah Cemerlang Pearson yang luar biasa yang diterima oleh pelajar kami tahun ini adalah bukti kerja keras mereka. Kami bangga melihat begitu ramai pelajar kami diiktiraf pada peringkat antarabangsa dan kami berharap pencapaian ini akan membentuk kejayaan akademik dan peribadi mereka pada masa hadapan. Tahniah kepada semua penerima anugerah, keluarga mereka, dan guru-guru berdedikasi yang telah menyokong mereka sepanjang perjalanan ini," ujar Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan.

Permohonan Skim Biasiswa Khas Aircraft Maintenance Engineer dibukakan

■ Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Jumaat, 24 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa sukacita memaklumkan bahawa permohonan Skim Biasiswa Khas Aircraft Maintenance Engineer bagi Sesi Akademik 2025/2026 akan dibuka bermula pada Sabtu, 25 Januari 2025, jam 8.30 pagi

dan akan ditutup pada Selasa, 25 Februari 2025, jam 4.00 petang.

Pemohon yang berminat dikehendaki untuk menghadapkan borang permohonan (*softcopy*) yang telah lengkap diisikan berserta dokumen berkaitan melalui e-mel applyscholarship@moe.gov.bn di samping menghadapkan salinan

fizikal (*hardcopy*) ke Kaunter 3, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Pusat Perkhidmatan Setempat, Blok 'C', Aras Bawah, Kementerian Pendidikan sebelum atau tidak lewat daripada tarikh tutup permohonan.

Pemohon yang belum memperoleh keputusan rasmi adalah dikehendaki untuk menghadapkan keputusan ramalan (*predicted results*) yang

dikeluarkan oleh sekolah atau institusi masing-masing.

Walau bagaimanapun, keputusan permohonan adalah tertakluk kepada keputusan rasmi yang akan diperoleh nanti.

Borang permohonan dan syarat-syarat boleh didapat melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut

mengenai perkara berkenaan bolehlah menghubungi Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan seperti berikut, iaitu no. telefon pejabat +673 2380019 (Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang) atau e-mel applyscholarship@moe.gov.bn atau scholarship@moe.gov.bn.



سوروهنجا ڤرخمنت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



PENTING

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Usaha > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TIDAK DIPERAKURAN

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.

Yang Di-Pertua MMN terima kunjungan hormat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Januari. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib hari ini menerima kunjungan hormat daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul di Bangunan Dewan Majlis.

Rombongan Parlimen Malaysia berkenaan turut disertai oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharikar bin Haji Shamsudin; Ahli Parlimen Bangi, Selangor, Yang Berhormat Tuan Syahredzan bin Johan; Ahli Parlimen Gopeng, Perak, Yang Berhormat Tuan Tan Kar Hing serta pegawai-pegawai Parlimen Malaysia.

Turut hadir dalam kunjungan berkenaan Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah serta

Ahli-ahli MMN, iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman; Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam; dan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Kunjungan hormat berkenaan merupakan sebahagian daripada Lawatan Rasmi Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari ke parlimen-parlimen Negara ASEAN sebagai persediaan Malaysia selaku Pengerusi Perhimpunan Agung Antara Parlimen ASEAN (AIPA) Ke-46 yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada September depan.

Lawatan berkenaan bertujuan memperkuuhubungkan hubungan strategik antara Negara-negara ASEAN sebagai Ahli AIPA bagi mempererat kerjasama bagi menyokong visi Komuniti ASEAN 2025.

AIPA memainkan peranan penting dalam menyokong dasar-dasar pembangunan

serantau ASEAN khususnya bagi memastikan parlimen setiap negara ahli menjalankan peranan sokongan yang berkesan bagi menghubungkan kerajaan dengan rakyat dalam mewujudkan komuniti yang bersatu padu, bersepadu dan bertanggungjawab.

Perbincangan antara kedua-dua pihak turut menyentuh pelbagai isu penting, termasuk usaha untuk memperkuuhubungkan kerjasama di bawah AIPA.

Kedua-dua pihak juga membincangkan kepentingan mengukuhkan hubungan antara parlimen melalui pertukaran amalan terbaik, termasuk dalam aspek inovasi dan pendigitalan proses-proses parlimen.

Perbincangan turut menekankan hubungan dengan Ahli Pemerhati AIPA melalui kerjasama yang lebih erat, termasuk meneroka peluang untuk bertukar kepakaran dan pengetahuan untuk memberi manfaat bersama ke arah menyokong agenda serantau.

Selain itu, kedua-dua pihak turut membincangkan isu-isu strategik serantau, termasuk keselamatan ASEAN, pembangunan mampan dan isu-isu kepentingan bersama.



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menerima kunjungan hormat daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Lawatan berkenaan mencerminkan komitmen bersama terhadap hubungan serta menegaskan kepentingan sinergi antara institusi legislatif ASEAN sebagai Ahli AIPA untuk menghadapi cabaran masa depan.

Di akhir Kunjungan Hormat, Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari

selaku Pengerusi AIPA telah menyampaikan jemputan rasmi kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman untuk menghadiri Perhimpunan Agung Antara Parlimen ASEAN (AIPA) Ke-46 bersama-sama rombongan MMN.

EKOSISTEM STARTUP PERLU BERKEMBANG, SELARI DENGAN TREND GLOBAL

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

"Ketahanan adalah sama pentingnya. Ia adalah keupayaan untuk menghadapi kejutan ekonomi dan menyesuaikan diri dengan cabaran."

Transformasi digital telah membuktikan peranannya dalam aspek ini.

"Startup yang menerapkan teknologi dan ketangkasannya berjaya memanfaatkan peluang baharu dan berkembang dengan berkesan, menunjukkan nilai penyesuaian dalam menghadapi ketidaktentuan," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyeru agar ekosistem startup Brunei meluaskan pengalaman dan selari dengan trend global yang membentuk landskap keusahawanan masa kini, trend-trend ini bukan sahaja menyediakan peluang besar untuk inovasi tetapi juga menjadi asas kepada pertumbuhan mampan dan transformasi.

"Salah satu trend utama ialah Kecerdasan Buatan (AI) dan Automasi, yang mengubah cara pelbagai industri beroperasi dengan meningkatkan kecekapan, penglibatan pelanggan dan membuat keputusan pintar.

Selain itu, penekanan terhadap kelestarian semakin meningkat. Di serata dunia, perniagaan sedang berusaha menangani cabaran alam sekitar. Startup yang membangunkan teknologi hijau dijangka berpeluang besar untuk berkembang dalam pasaran ini," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat turut menggariskan bahawa pandemik telah menyerlahkan nilai Teknologi Kesihatan (Health Tech), dengan mempercepat penerimaan teleperubatan dan penyelesaian kesihatan digital yang lain.

"Bidang ini kekal penting untuk inovasi yang memberi manfaat kepada komuniti dan ekonomi," tambah Yang Berhormat.

Trend lain, terang Yang Berhormat lagi, termasuklah

penyelesaian kerja jarak jauh yang semakin diperlukan dalam model kerja hibrid serta Blockchain dan Kewangan Terdesentralisasi (DeFi), yang mentakrifkan semula sistem kewangan dengan model baharu untuk ketelusan, keselamatan, dan aksesibiliti.

"Pertumbuhan inovasi e-Dagang juga tidak boleh diabaikan.

Daripada pengalaman membeli-belah dalam talian hingga sistem penghantaran yang cekap, sektor ini penuh dengan peluang untuk startup menolak sempadan dan mentakrifkan semula tingkah laku pengguna," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat kemudiannya menyatakan bahawa untuk mencapai kejayaan, ekosistem startup Brunei mestilah dibina dengan asas kolaborasi dan komitmen bersama.

"Di bawah Wawasan Brunei 2035, negara kita komited untuk mempelbagaikan ekonomi dengan memberi keutamaan kepada pengetahuan, teknologi dan keusahawanan," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya

memuji inisiatif yang diterajui oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan agensi lain seperti Hackathon, program mentor, peluang inkubasi, dan sokongan pembiayaan yang telah membantu membina asas kukuh untuk startup tempatan.

Namun begitu, Yang Berhormat menekankan bahawa usaha sektor awam mestilah disertai pelaburan dan kolaborasi daripada sektor swasta.

"Perkongsian awam-swasta adalah kunci untuk membina ekosistem yang mampan dan berkembang.

Sidang Kemuncak hari ini mencerminkan semangat kolaborasi ini, mengumpulkan pemegang taruh untuk berkongsi strategi dan membina kerjasama. Kolaborasi ini akan memacu inovasi, menangani cabaran, dan membuka peluang di pasaran global," ujar Yang Berhormat.

Mengakhiri ucapannya, Yang Berhormat menyeru kepada semua pihak untuk bersama-sama 'Rise and Thrive' dengan menjadikan skalabiliti, ketahanan dan kolaborasi sebagai kunci kejayaan bersama.

BSS Edisi Ke-2 yang diadakan dua hari di Rizqun International Hotel berkenaan dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew.

Ianya menghimpuhan seramai 400 pakar terkemuka dalam ekosistem keusahawanan tempatan dan serantau untuk bekerjasama dan menjalin



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dalam ucaptama semasa Sidang Kemuncak Startup Brunei Edisi Ke-2.

hubungan dalam meneroka peluang perkembangan.

BSS tahun ini turut menampilkan lebih 20 sesi yang dibahagikan kepada ucaptama dan Sesi Plenari serta bengkel secara serentak.

BSS 2025 disokong oleh penaja-penaja iaitu Brunei Innovation Lab (Platinum), BIBD (Gold), Progresif (Gold), Baiduri Bank (Silver), DST (Bronze) dan Royal Brunei Airlines (Airline Partner) bersama rakan ekosistem Antler, AWS, ERIA dan Niaga Compliance.

Untuk maklumat lanjut mengenai BSS, sila layari dere.gov.bn;brunei-startup-summit atau e-mel bruneistartupsummit@bedb.gov.bn.

SALAH satu trend utama ialah AI dan Automasi, yang mengubah cara pelbagai meningkatkan kecekapan, membuat keputusan pintar.

STARTUP yang membangunkan teknologi hijau dijangka berpeluang besar untuk berkembang dalam pasaran.

DI bawah Wawasan Brunei 2035, negara kita komited untuk mempelbagaikan ekonomi dengan memberi keutamaan kepada pengetahuan, teknologi dan keusahawanan.

PERKONGSIAN awam-swasta adalah kunci untuk membina ekosistem yang mampan dan berkembang.



SEKITAR Sidang Kemuncak Startup Brunei Edisi Ke-2 yang diadakan di Rizqun International Hotel.

Raptai penuh pastikan kelancaran majlis



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan hadir menyaksikan raptai penuh Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah (atas), manakala gambar kanan, antara yang menyertai raptai berkenaan.

BERAKAS, Jumaat, 24 Januari. - Negara Brunei Darussalam akan meraikan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah pada Isnin, 27 Rejab 1446 Hijrah bersamaan 27 Januari 2025 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas mulai pukul 9.00 pagi.

Sehubungan itu, bagi memastikan kelancaran majlis itu nanti, raptai penuh diadakan pagi

tadi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Hadir bagi memastikan latihan berjalan dengan lancar dan sempurna ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran

Islam Peringkat Negara Tahun 1446H; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. selaku Pengendali Bersama; dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pengendali

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin



Bersama.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1446H.

Tema Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1446H ialah 'Sembahyang Mencerdaskan

Minda'. Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara tahun ini akan diisikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan Tadabbur serta Ceramah Khas.

Majlis dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd.

IBTE FUNDRAISING CAMPAIGN : BANTU MENINGKATKAN KEUPAYAAN PENDIDIKAN, LATIHAN TEKNIKAL

■ Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Januari. - Sejumlah BND93,840.97 berjaya dikumpulkan melalui inisiatif Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Fundraising Campaign 2024, iaitu inisiatif yang bertujuan untuk memperkuuh dana IBTE bagi meningkatkan keupayaan dalam menyediakan pendidikan dan latihan teknikal berkualiti, selain memastikan kebajikan serta keselesaan pelajar IBTE sentiasa terjamin.

Daripada jumlah berkenaan, 70 peratus akan disalurkan ke dalam Tabung IBTE bagi memperkuuh pelbagai program pendidikan dan latihan teknikal, manakala 30 peratus akan disumbangkan kepada badan amal berdaftar di Negara Brunei Darussalam, iaitu An-Nur Harapan Sdn. Bhd. dan SMARTER Brunei.

An-Nur Harapan Sdn. Bhd. dan SMARTER Brunei adalah organisasi yang aktif menjalankan program pembangunan kemahiran untuk kanak-kanak dan belia berbeza upaya. Usaha berkenaan bertujuan meningkatkan kemahiran sosial dan peribadi mereka, sekali gus mempersiapkan mereka untuk menjalani kehidupan yang lebih berdikari.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Sumbangan Derma hasil inisiatif berkenaan telah berlangsung di The Longhouse Training Restaurant & Café, IBTE

Kampus Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyerahan cek sumbangan, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Penyerahan kepada Tabung IBTE diterima oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) (Akademik) IBTE, Dayang Hajah Norazlina binti Othman. Manakala sumbangan kepada An-Nur Harapan Sdn. Bhd. dan SMARTER Brunei masing-masing diterima oleh Pengurus Am, Dayang Melline binti Haji Jaini; dan Presiden, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada CEO IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

Dalam ucapannya, beliau berharap sumbangan berkenaan dapat terus menyokong usaha murni badan-badan amal ini untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi golongan berbeza upaya di negara ini.

Sebagai sebahagian daripada kempen berkenaan katanya, IBTE turut menganjurkan acara walkaton pada 30 Jun 2024 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, yang menarik penyertaan lebih daripada 2,000 peserta.

Majlis seumpamanya

mencerminkan komitmen IBTE terhadap usaha murni membangunkan masyarakat dan memperkasa belia melalui pendidikan, latihan dan sokongan berterusan kepada golongan memerlukan.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada Ahli-ahli Duta Muhibbah sepanjang IBTE Fundraising Campaign 2024 berlangsung yang terdiri daripada wakil Kampus-kampus IBTE yang terlibat.

SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyerahan cek sumbangan kepada penerima (bawah kiri dan kanan).



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Perpaduan Kunci Pembangunan'. Tarikh Tutup : 29 Januari 2025
2. 'Kesan Media Sosial Kepada Kanak-Kanak'. Tarikh Tutup : 5 Februari 2025
3. 'Muhasabah Diri Amalan Terpuji'. Tarikh Tutup : 12 Februari 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi

BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG 2025 DIRASMIKAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Januari. – Majlis Pembukaan Tahun Undang-undang 2025 berlangsung di Bangunan Mahkamah Tinggi - Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Acara tahunan berkenaan mengumpulkan ahli-ahli kehakiman dan profesi undang-undang bagi menandakan bermulanya Tahun Undang-undang.

Majlis dimulakan dengan Perbarisan Kawalan Kehormatan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei yang diperiksa oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon dan seterusnya diikuti dengan ucapan Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar.

Pada majlis berkenaan, Pegawai Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib dalam ucapannya menjelaskan, komitmen yang teguh terhadap kedaulatan undang-undang merupakan asas kepercayaan, keadilan dan kemajuan.

Menurut Yang Berhormat, nilai undang-undang bukan sahaja terletak dalam penggubalannya tetapi dalam penguatkuasaannya dan bagi undang-undang mencapai tujuannya, undang-undang berkenaan mesti konsisten dan ditegakkan secara adil, tanggungjawab yang dikongsikan

bersama penguatkuasaan undang-undang, penjawat awam dan masyarakat keseluruhannya.

"Langkah-langkah penguatkuasaan yang diperkuat dan proses pendakwaan yang mantap adalah penting bagi melindungi keadilan, mencegah salah laku dan mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap institusi kita," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, pendakwaan memainkan peranan penting dalam menegakkan kedaulatan undang-undang.

Yang Berhormat juga menekankan kepentingan dalam memastikan keadilan boleh diakses oleh semua, tidak kira batasan fizikal atau lisan mereka.

Sehubungan dengan itu tambah Yang Berhormat lagi, Pegawai Bahagian Keadilan Jenayah dalam menjalankan tugas sebagai Timbalan Pendakwa Raya dan Pegawai Pendakwaan perlu mempersiapkan diri dan bersedia bagi memastikan mereka yang melemahkan undang-undang untuk bertanggungjawab.

"Penguatkuasaan yang konsisten dan tidak berat sebelah adalah lebih daripada melindungi keadilan dan ini mewujudkan keyakinan dan kestabilan yang penting bagi pertumbuhan ekonomi," ujar Yang Berhormat.

Daripada membangunkan dasar perundangan yang baik untuk melindungi perjanjian komersial dan menegakkan integriti pendakwaan jelas Yang Berhormat lagi, Pejabat Peguam Negara terus berpegang teguh pada komitmen untuk menyokong Wawasan Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi daya tahan dan pembangunan ekonomi, yang meliputi semua Bahagian Pejabat Peguam Negara.

Jelas Yang Berhormat, Bahagian Sivil telah memainkan peranan yang penting dalam memberikan sokongan undang-undang yang menyeluruh kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Komitmen kita terhadap kedaulatan undang-undang tidak hanya terhad kepada kedaulatan undang-undang dalam negeri

sahaja, tetapi kedaulatan undang-undang antarabangsa adalah sama penting, dengan mengekalkan hubungan melalui pertukaran maklumat dan amalan terbaik dengan rakan-rakan sejawat kita dan organisasi antarabangsa dan memastikan nasihat kita konsisten dengan undang-undang antarabangsa juga," tambah Yang Berhormat lagi.

Dalam melangkah ke hadapan pula jelas Yang Berhormat, Pejabat Peguam Negara menyedari bahawa meluruh dalam pembangunan dan latihan pegawai bukan sahaja merupakan asas untuk menegakkan kedaulatan undang-undang tetapi juga penting bagi merealisasikan wawasan untuk menyediakan perkhidmatan undang-undang yang cemerlang.

Melalui program latihan khusus dan usaha kerjasama dengan institusi antarabangsa tambah Yang Berhormat, Pejabat Peguam Negara komited untuk memupuk tenaga kerja yang berkebolehan dan boleh disesuaikan dalam landskap undang-undang yang dinamik.

Menurut Yang Berhormat, walaupun kita meneruskan komitmen kita untuk memupuk tenaga kerja yang berkebolehan dan boleh menyesuaikan diri dalam organisasi Pejabat Peguam Negara, adalah penting juga untuk memastikan pertumbuhan dan pembangunan berterusan generasi peguam akan datang bagi menjamin kedaulatan undang-undang ditegakkan untuk tahun-tahun akan datang.

Oleh yang demikian tambah Yang Berhormat, golongan peguam mesti memenuhi peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menegakkan kedaulatan undang-undang sambil sentiasa peka dan menghargai sumbangan orang lain terhadap matlamat bersama ini.

Sementara itu, Presiden Persatuan Undang-undang, Awang Haji Muhammad Zainidi bin Haji Abdul Hamid yang mewakili peguambela dan peguamcara di NBD dalam ucapannya menekankan tiga perkara utama



PERBARISAN Kawalan Kehormatan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei yang diperiksa oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar (atas). Manakala gambar kiri, Yang Berhormat Peguam Negara ketika berucap.

bagi persatuan iaitu, meningkatkan pembangunan profesional, menangani kebimbangan ahli-ahli persatuan, dan memperkuatkan hubungan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Dari segi perkembangan perundangan dan peraturan tambahnya, Persatuan Undang-undang membuat kemajuan yang penting dalam mengemas kini Rangka Kerja Peraturan manakala dalam usaha meningkatkan pembangunan profesional, Persatuan Undang-undang menganjurkan Kursus Latihan Asas Advokasi yang paling komprehensif setakat ini.

Di peringkat antarabangsa pula katanya, Persatuan Undang-undang mengukuhkan hubungan melalui penglibatan aktif dalam Persatuan Undang-undang ASEAN serta perbincangan yang mendalam bersama Setiausaha Kehakiman Hong Kong.

Tambahnya, Persatuan Undang-undang tetap komited dalam tugas menjalankan kawal selia, menangani aduan dan isu disiplin secara telus, yang selaras mengikut prosedur statutori yang ditetapkan di samping komitmen mereka dalam memudahkan akses kepada keadilan giat diteruskan

melalui klinik bantuan guaman bulanan dan pengenalan sistem permohonan bantuan guaman secara dalam talian.

Beliau juga menjelaskan keutamaan Persatuan Undang-undang dalam memasuki 2025 adalah tertumpu kepada pembangunan profesional dan rangka kerja kawal selia.

Majlis juga dihadiri oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Juga hadir ialah Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi luar negara ke NBD serta anggota diplomatik, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai kehakiman dari Mahkamah Sivil dan Syariah, Pejabat Peguam Negara, Persatuan Undang-undang, pegawai dan kakitangan dari pelbagai agensi penguatkuasa kerajaan, dan pelajar-pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Laksamana College of Business dan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Terus memperkuuh akses keadilan, meningkatkan kecekapan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Januari. – Mahkamah terus menegakkan kedaulatan undang-undang dengan adil, saksama dan cekap.

Walau bagaimanapun, ketika mengemudi dunia yang semakin saling berhubungan dan didigitalkan, kita mesti berkembang untuk memenuhi keperluan masa ini.

Perkara demikian dijelaskan oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon semasa Majlis Pembukaan Tahun Undang-undang 2025 berlangsung di Bangunan Mahkamah Tinggi - Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Dalam ucapan Yang Amat Arif menekankan beberapa inisiatif yang utama untuk 2025, iaitu Penaik Tarafan Sistem Pengurusan Kes Kehakiman (Judicial Case Management System-JCMS) yang diperkenalkan pada Mac 2015 sebagai sebahagian daripada pelan strategik kehakiman untuk mencapai kecemerlangan melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, akses yang lebih baik, dan integrasi maklumat di dalam mahkamah.

Menurut Yang Amat Arif, memandangkan kemajuan

teknologi yang sangat cepat dan terdapat keperluan berterusan untuk mengkaji sistem secara aktif dan untuk mendapatkan peningkatannya serta terdapat permintaan bagi ciri-ciri baharu yang bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan mahkamah secara keseluruhannya, bukan hanya untuk pengguna dalaman sahaja tetapi juga untuk pihak berkepentingan dan orang ramai.

"Penaikan tarafan sistem-sistem pengurusan kes mahkamah ini bukan lagi satu perkara pilihan tetapi keperluan bagi mana-mana Badan Kehakiman untuk menaik taraf sistemnya untuk bertindak secara berkesan dan cekap dalam menyampaikan keadilan," ujar Yang Amat Arif.

Pada tahun ini jelas Yang Amat Arif, Badan Kehakiman berhasrat untuk menaik taraf JCMS serta membangunkan JCMS 2.0 untuk meningkatkan dan memperluas fungsi landasan kepada potensi sepenuhnya dan juga menyokong matlamat negara untuk menjadi Negara Pintar (Smart Nation).

Yang Amat Arif seterusnya menjelaskan, sistem litigasi sivil memberi kuasa kepada individu dan perniagaan untuk menegaskan dan menguatkusakan hak dan

menawarkan mekanisme untuk penyelesaian pertikaian dengan keadilan sivil adalah penting bukan sahaja untuk menegakkan kedaulatan undang-undang tetapi juga untuk memupuk ekonomi yang mantap dan memastikan masyarakat yang adil dan saksama.

Dalam menyokong Wawasan Brunei 2035 untuk menjadi ekonomi yang dinamik dan lestari tambah Yang Amat Arif, proses litigasi perlu diselaraskan dan mencerminkan realiti sosioekonomi, memanfaatkan kemajuan teknologi dan menyesuaikan diri untuk memenuhi keperluan pengguna mahkamah masa ini.

Melangkah ke hadapan jelas Yang Amat Arif lagi, perubahan diperlukan untuk memperbaiki dan mengemas kini sistem litigasi sivil serta memperkuuh akses kepada keadilan dan meningkatkan kecekapan.

"Oleh itu, saya mengarahkan Pemangku Ketua Pendaftar untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja untuk mengumpulkan kepakaran anggota dari Badan Kehakiman, Pejabat Peguam Negara dan Persatuan Undang-undang untuk mengkaji semula peraturan

prosedur sivil kita dan memutuskan cara terbaik untuk mewujudkan sistem litigasi sivil yang moden dan cekap.

"Amat penting untuk kita bekerjasama mencadangkan pembaharuan dan mengenal pasti cara untuk memperbaiki keadilan awam sedemikian rupa sehingga ia akan memberi manfaat kepada pengguna mahkamah masa ini dan juga pada masa akan datang.

"Saya ingin melihat jawatankuasa kerja memacu pembaharuan dan menjadikan sistem tersebut berkesan untuk Abad Ke-21," jelas Yang Amat Arif lagi.

Yang Amat Arif seterusnya berkata, sebagai sebuah masyarakat, kita yang sangat mementingkan institusi keluarga dan memberikan sokongan kepada keluarga ketika menangani isu-isu seperti percerai, perpisahan, hak penjagaan anak dan nafkah adalah sangat penting.

Dalam menyampaikan keadilan keluarga tambah Yang Amat Arif, kami berusaha untuk memastikan bahawa mahkamah memenuhi keperluan keluarga dengan menyelesaikan pertikaian dengan tepat pada masanya dan dengan gangguan yang minima.

Walau bagaimanapun tambah

Yang Amat Arif lagi, sistem keadilan keluarga tidak dapat dipertimbangkan secara berasingan kerana visi Badan Kehakiman bagi Keadilan Keluarga Restoratif (Restorative Family Justice) menyokong Pelan Sosial Wawasan Brunei 2035 dengan salah satu aspirasi utama adalah untuk memperkasa keluarga yang kuat, pemelulian dan berdaya tahan.

Untuk tujuan itu jelas Yang Amat Arif, kami mencadangkan untuk mengukuhkan sistem keadilan keluarga bagi memastikan proses kehakiman kita menggalakkan pengantaraan, perdamaian dan kesejahteraan masyarakat jangka panjang dalam membantu memulihkan keluarga.

"Kami berminat untuk bekerjasama dan ingin bekerja secara aktif dengan agensi yang berkaitan apabila mengendalikan kerja kehakiman yang berkaitan dengan keluarga untuk membantu keluarga mempunyai lebih banyak akses kepada pengantaraan, kaunseling dan menggalakkan nasihat keluarga mengenai pilihan, proses dan hak serta tanggungjawab," tegas Yang Amat Arif lagi.

>> Muka 20

KOMITED MEMUPUK PERKONGSIAN DENGAN RAKAN BADAN KEHAKIMAN LUAR

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Yang Amat Arif mengongsikan ringkasan statistik mahkamah untuk tempoh 12 bulan yang berakhir pada Disember 2024 dengan kadar pelupusan yang tinggi telah dicapai dalam kes sivil Mahkamah Majistret pada 100 peratus dan kes jenayah di mahkamah Majistret pada 90 peratus, menandakan peningkatan yang ketara daripada kadar pelupusan tahun sebelumnya masing-masing sebanyak 83 peratus dan 80 peratus, sementara, kes jenayah Mahkamah Perantaraan mencapai kadar pelupusan sebanyak 92 peratus.

Dari segi masa yang diambil untuk penyampaian penghakiman jelas Yang Amat Arif, 88 peratus daripada penghakiman untuk kes jenayah Mahkamah Majistret telah disampaikan dalam tempoh tiga bulan daripada penutupan penghujahan, manakala 75 peratus daripada penghakiman telah disampaikan dalam tempoh tiga bulan daripada penutupan penghujahan dalam Kes Sivil Mahkamah Tinggi.

"Jumlah kes jenayah yang difaikkan di Mahkamah Majistret menunjukkan penurunan keseluruhan daripada 498 kes yang difaikkan pada 2023 kepada 481 kes yang difaikkan pada 2024."

"Terdapat penurunan yang sama dalam jumlah kes jenayah yang difaikkan di Mahkamah Perantaraan dengan 58 kes difaikkan pada 2023 dan 49 kes difaikkan pada 2024 dan juga untuk kes jenayah Mahkamah Tinggi dengan 14 kes difaikkan pada 2023 dan 12 difaikkan pada 2024," ujar Yang Amat Arif.

Menurut Yang Amat Arif, statistik menunjukkan bahawa bilangan permohonan untuk pendaftaran perkahwinan telah menurun dengan ketara daripada 115 pada 2023 kepada 66 pada 2024, manakala terdapat peningkatan dalam bilangan petisyen perceraian yang difaikkan.

Yang Amat Arif menyatakan, bilangan perbicaraan dalam kamar hakim di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Perantaraan di hadapan Pendaftar menunjukkan peningkatan yang ketara daripada 497 pada 2023 kepada 535 pada 2024.

Jelas Yang Amat Arif lagi, Pejabat Pendaftaran Probet juga menyaksikan peningkatan dalam jumlah permohonan untuk surat pentadbiran, dengan jumlah 768 permohonan diterima pada 2024, begitu juga Pejabat Penerima Rasmi menyaksikan peningkatan dalam bilangan notis kebankrapan yang difaikkan daripada 344 pada 2023 kepada 350 pada tahun 2024 manakala terdapat juga peningkatan dalam bilangan perintah penggulungan, dengan sembilan syarikat dibubarkan pada 2023 dan 15 pada 2024.

Yang Amat Arif seterusnya menyentuh mengenai penglibatan antarabangsa dan usaha untuk memupuk perkongsian jangka panjang dengan rakan Badan Kehakiman luar negara dan tahun

2024 telah menyaksikan kemajuan dalam mengukuhkan perhubungan, kolaborasi dan kerjasama dengan negara-negara sahabat.

"Kita telah menjalinkan hubungan dua hala secara formal dengan menandatangani Memorandum Kerjasama Kehakiman (Memorandum of Judicial Cooperation-MOJC) dengan Mahkamah Persekutuan Malaysia dan dengan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kehakiman Republik Peru.

"Kita telah mendapat penghormatan untuk menjadi tuan rumah kepada Ketua Hakim Negara Malaysia Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat dan rombongan beliau pada Mac 2024.

"Saya kemudiannya berpeluang melawat ke Istana Kehakiman di Lima pada November 2024, dan kami telah dialu-alukan oleh Presiden Mahkamah Besar Peru, Dr. Javier Arevalo Vela semasa menandatangani MoU tersebut," ujar Yang Amat Arif.

Bagi meneruskan dan mengukuhkan perkongsian rakan serantau tambah Yang Amat Arif lagi, Suruhanjaya Tinggi Australia menganjurkan mesyuarat pengenalan secara dalam talian dengan Federal Circuit and Family Court Australia, Ketua Hakim William Alstergren pada Februari 2024.

"Ketua Hakim William Alstergren dan saya mengadakan perbincangan yang produktif tentang pengurusan kes dan pengantarannya bagi perkara-perkara yang melibatkan keluarga dan kanak-kanak dan kita berharap akan dapat mendukung perkongsian komprehensif Australia-Brunei di bawah tonggak kerjasama kehakiman," ujar Yang Amat Arif.

Seterusnya pada Mac 2024, Yang Amat Arif mewakili Badan Kehakiman di Seminar Kehakiman kali ke-8 tentang Litigasi Komersial di Hong Kong SAR dan pada November 2024 pada Mesyuarat Ke-11 Majlis Ketua Hakim Negara ASEAN (CACJ) di Filipina.

Pada Julai 2024 tambah Yang Amat Arif, kita telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah kepada Ketua Hakim Singapura Sundaresh Menon dan rombongannya sebagai sebahagian daripada mesyuarat dua hala tahunan pertama antara Badan Kehakiman kita dan Mahkamah Besar Singapura di mana ia adalah satu keistimewaan apabila Ketua Hakim Menon menyampaikan ucaptama di Mahkamah Besar mengenai 'Peranan Badan Kehakiman Yang Berkesan dan Cekap Bagi Menggalakkan Pembangunan Ekonomi : Perspektif Singapura' kepada lebih 230 hadirin, yang terdiri daripada ahli komuniti undang-undang, penuntut perundangan dan perwakilan daripada pelbagai kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Menurut Yang Amat Arif lagi, kita telah Memperingati Ulang Tahun Ke-20 Pemeteraian Memorandum Kerjasama (Memorandum of Cooperation-MoC) antara Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Supreme People's Court of the People's Republic of China dengan lawatan ke Beijing dan Shanghai pada September 2024,

dengan kerjasama Kedutaan Republik Rakyat China di NBD.

Yang Amat Arif berbesar hati bertemu dengan Ketua Hakim Negara Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Zhang Jun di mana Yang Amat Arif dan TYT menyatakan komitmen bersama untuk memupuk hubungan kehakiman yang lebih kukuh antara kedua-dua bidang kuasa dengan MoU yang telah diperbaharui.

"Kita kemudian mengalaukan kedatangan Setiausaha Kehakiman Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China (Hong Kong SAR), Tuan Yang Terutama Paul Lam, SC dalam Lawatan Kerja pertamanya ke NBD pada September 2024.

"Lawatan Setiausaha Kehakiman ke NBD menandakan satu mercu tanda penting berikut pemeteraian MoC antara Mahkamah Besar kita dan Jabatan Kehakiman Hong Kong (Department of Justice-DoJ) pada Mei 2023," ujar Yang Amat Arif.

Yang Amat Arif juga berbesar hati menghadiri Pembukaan Tahun Undang-undang di England and Wales pada Oktober 2024, yang merupakan kali pertama seorang Ketua Hakim Negara dari NBD hadir buat julung-julung kalinya dan berpeluang bertemu dengan Ketua Hakim Negara England and Wales, Yang Amat Arif Dame Sue Carr dan berbesar hati untuk berhubung semula dengan Master of the Rolls, Yang Amat Arif Sir Geoffrey Vos dan Timbalan Presiden Mahkamah Agung United Kingdom, Yang Amat Arif Lord Hodge.

"Semasa berada di London, saya juga dapat berjumpa dengan penuntut undang-undang NBD di Suruhanjaya Tinggi NBD dan ia adalah kali pertama seorang Ketua Hakim Negara dan anggota Badan Kehakiman terlibat dengan pelajar undang-undang NBD yang berpangkalan di United Kingdom.

"Saya sangat teruja oleh minat berterusan penuntut-penuntut NBD untuk mempelajari dan mengamalkan undang-undang dan Badan Kehakiman komited untuk menyokong penuntut dan graduan dalam pembelajaran mereka di bidang undang-undang kerana mereka mempunyai peranan penting untuk menerajui profesi undang-undang NBD pada masa hadapan," kata Yang Amat Arif lagi.

Yang Amat Arif seterusnya menambah pertukaran antara badan kehakiman memupuk pembinaan kapasiti dan penerapan amalan terbaik serta kerjasama kehakiman telah membina kepercayaan dan rasa hormat-menghormati antara negara dengan memastikan proses undang-undang yang adil dan telus.

Tambah Yang Amat Arif lagi, ia menyumbang kepada hubungan diplomatik dan ekonomi yang lebih luas dengan mewujudkan persekitaran yang sihat untuk perdagangan dan pelaburan antarabangsa.

Yang Amat Arif seterusnya melaporkan penubuhan Jawatankuasa Hal Ehwal Undang-undang Bersama (Joint Legal Affairs Committee-JLAC) pada Mei 2024 di mana Pemangku Ketua Pendaftar bersama Ahli Jawatankuasa dari Badan

Kehakiman, Pejabat Peguam Negara dan Persatuan Undang-undang telah bekerjasama untuk menangani isu-isu undang-undang yang saling berkaitan yang dihadapi oleh komuniti undang-undang.

Menurut Yang Amat Arif, pada masa ini terdapat enam kumpulan kerja di bawah JLAC yang ditugaskan untuk menangani pindaan kepada Akta Profesi Undang-undang (Legal Profession Act-LPA), pindaan kepada Peraturan Akta Profesi Undang-undang, institusi rangka kerja Pembangunan Profesional Berterusan, prosedur kemasukan ke Badan Peguam, Skim Rakan McKenzie dan kemas kini kepada garis panduan anugerah kecederaan peribadi.

Jelas Yang Amat Arif lagi, kemajuan penting telah dicapai oleh JLAC dengan pindaan berikut kepada Akta Profesi Undang-undang dan Peraturan Profesi Undang-undang (Amalan dan Etika) yang telah dikemukakan kepada Penggubal Undang-undang di Pejabat Peguam Negara, iaitu pindaan yang membolehkan Majlis Persatuan Undang-undang memohon untuk membatalkan sijil amalan, di mana sebelum ini hanya Peguam Negara yang boleh membatalkan Sijil Amalan; pindaan untuk menyelaraskan proses tatatertib peguambela dan peguamcara dengan penubuhan jawatankuasa penelitian semula di mana aduan yang tidak berdasas boleh dilupuskan secara ringkas oleh jawatankuasa dua orang dan dengan komposisi jawatankuasa siasatan dikurangkan daripada empat orang kepada tiga, di mana sebelum ini jawatankuasa siasatan penuh empat orang adalah dikehendaki untuk bersidang.

Selain itu tambah Yang Amat Arif, pindaan untuk membenarkan Ketua Pendaftar mengenakan



YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar ketika berucap pada majlis tersebut.

syarat ke atas pentaulahan sijil amalan, khususnya untuk mengenakan syarat ke atas pentaulahan sijil amalan sekiranya peguambela dan peguamcara mempunyai penghakiman sivil tertunggak melebihi BND50,000 yang belum dijelaskan sepenuhnya dalam tempoh enam bulan; pindaan untuk mengawal kelakuan berhubung dengan yuran dan kos profesional, untuk profesional undang-undang bertindak demi kepentingan terbaik anak guamnya dan mengenakan bayaran kepada pelanggan secara adil untuk tugas yang diberikan; dan pindaan untuk menangani tatacara proses penyelesaian pertikaian alternatif oleh pengamal undang-undang.

Seterusnya jelas Yang Amat Arif lagi, pindaan untuk mlarang peguambela dan peguamcara untuk bergabung dalam pengamalan mereka dengan orang yang tidak berkelayakan, pindaan untuk melarang pengamal undang-undang daripada menggembargemburkan atau menjalankan apa-apa perdagangan yang diisytiharkan oleh Ketua Hakim Negara atau Persatuan Undang-undang sebagai tidak sesuai bagi keterlibatan seorang peguambela atau peguamcara dan pindaan untuk menangani dakwaan terhadap pengamal undang-undang lain.

HALUAN

>> Muka 2

Memandangkan ujian HPV juga adalah salah satu daripada Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (PPKK), pihak Kementerian Kesihatan juga akan terus memperkuatkannya langkah-langkah untuk membarigakan program berkenaan termasuk juga ujian saringan yang lain seperti saringan bagi kanser payudara, kanser kolorektal dan faktor risiko penyakit kardiovaskular, melalui jerayawara-jerayawara ke tempat-tempat kerja dan tempat tumpuan masyarakat setempat. Oleh itu, saya ingin mengalaukan dan menyarankan bagi mereka yang layak menurut kriteria-kriteria yang tertentu, untuk memanfaatkan peluang serta kemudahan-kemudahan yang tersedia ini, untuk menyertai Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan berkenaan. Ini adalah kerana, pengesahan awal penyakit-penyakit tersebut akan dapat ditangani dengan tindakan dan rawatan bersesuaian di peringkat awal dan seterusnya mencegah komplikasi dan penyakit berkenaan daripada mlarat.

Saya percaya, dengan kerjasama, kepercayaan dan komitmen semua pihak, insyaAllah kita akan dapat sama-sama memenuhi hasrat pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu untuk menghapuskan kanser serviks menjelang tahun 2030.

Untuk mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua yang terlibat dalam meneliti dan mengemas kini Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan 2025 dan juga, dalam menjayakan ciri Penilaian Risiko untuk ujian HPV dalam aplikasi BruHealth. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak berkepentingan dari dalam dan luar kementerian ini, yang telah sama-sama menyumbang bakti dan yang akan terus bekerjasama dalam menjayakan usaha-usaha kita senegara untuk menghapuskan kanser serviks. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua ahli jawatankuasa pengangur, para penaja dan mereka yang telah sama-sama menjayakan majlis pada pagi ini. Semoga segala usaha dan sumbangan yang murni lagi ikhlas ini, akan mendapatkan keberkatan dan ganjaran yang sebaik-baiknya dari Allah Subhanahu Wata'alua jua, Amin, Amin, Amin, Ya Rabbal Alamin.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KERJASAMA KUKUH MEMACU KEAMANAN, KESTABILAN RANTAU ASEAN



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Rabu, 22 Januari. - Dalam era moden, Tentera Diraja Thailand berkhidmat bukan sahaja sebagai 'pelindung negara', menjaga keadautan, integriti wilayah dan sistem monarki perlombagaan, tetapi juga memainkan peranan penting dalam mempromosikan keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Mereka adalah antara pihak yang pertama memberikan respons semasa krisis, menawarkan bantuan penyelamatan, pemulihan dan kemanusiaan kepada mereka yang terjejas oleh bencana alam dan

kecemasan lain.

Kenyataan itu disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai pada Majlis Resepsi sempena Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand bertempat di Hotel Mulia, di sini.

"Saya amat berbangga dengan Perintah Pembangunan Tentera (Armed Forces Development Command) di bawah Tentera Diraja Thailand, yang misinya adalah untuk memacu pembangunan sosial dan ekonomi di dalam dan

luar Thailand serta sebagai sebahagian daripada sumbangan Thailand kepada operasi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," ujar Puan Yang Terutama.

Sepanjang 41 tahun hubungan diplomatik ujar PYT, Thailand dan NBD telah menikmati hubungan yang erat dan kukuh di kedua-dua peringkat dua hala dan dalam rangka kerja ASEAN.

"Tentera kita telah memainkan peranan yang signifikan dalam memupuk hubungan ini melalui lawatan berkala, pertukaran, dan kerjasama.

"Inisiatif-inisiatif ini telah membina pemahaman bersama, kepercayaan dan penghormatan, serta meningkatkan pembangunan kapasiti melalui perkongsian pengalaman dan amalan terbaik," tambahnya.

PYT juga berkongsi beberapa pencapaian bersama pada tahun 2024 yang lalu, yang menyaksikan banyak pertukaran peringkat tinggi antaranya lawatan oleh Ketua Tentera Diraja Thailand, Jeneral Songwit Noonpakdee; Ketua

Tentera Udara Diraja Thailand, Marshall Udara Panpakdee Pattanakul; dan Ketua Tentera Laut Diraja Thailand, Laksamana Adoong Pan-iwm, dalam memperlihatkan kekuatan hubungan ketenteraan peringkat tertinggi.

Selain itu tambahnya, Air Working Group dan Navy to Navy Talk yang dianjurkan oleh NBD telah meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang yang menjadi kepentingan bersama.

"Di darat, atau lebih tepatnya di udara dan di laut, Pasukan Khas Thailand turut serta dalam lonjakan solidariti (*solidarity jump*) untuk Memperingati Ulang Tahun Ke-63 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

"Tambah pula, tiga kapal Tentera Laut Diraja Thailand telah melaksanakan misi lawatan *goodwill* dan latihan yang bersejarah ke Pelabuhan Muara, dan acara-acara ini menjadi bukti yang kukuh terhadap kerjasama ketenteraan yang berterusan," terang PYT lagi.

Dalam ucapannya PYT juga turut menyampaikan penghargaan kepada ABDB kerana menawarkan tempat di Akademi Pertahanan ABDB kepada seorang kadet Thailand bermula tahun ini, yang jelas lebih mengukuhkan lagi hubungan antara kedua buah negara.

"Saya yakin bahawa hubungan

antara tentera Thailand dan NBD akan terus berkembang pada masa hadapan, menyumbang kepada pemeliharaan keamanan dan kestabilan di rantau ASEAN kita," ujar beliau lagi.

PYT juga melahirkan ucapan tahniah kepada Tentera Diraja Thailand atas pencapaian luar biasa mereka, baik di dalam negara maupun di luar negara, yang mana pencapaian mereka itu mendapat pengiktirafan yang wajar daripada masyarakat antarabangsa, membawa kehormatan dan kemuliaan kepada Thailand dan rakyatnya.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Pemerintah ABDB, Mejor Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri, Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini.

Terdahulu acara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan kedua-dua buah negara, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada PYT Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD.

Sambutan Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand disambut setiap 18 Januari untuk memperingati keberanian dan kepimpinan Raja Naresuan (King Naresuan The Great) yang berjuang untuk kebebasan dan perpaduan Kerajaan Thailand 432 tahun yang lalu.

Ia juga merupakan hari untuk menghormati pengorbanan anggota tentera Thailand dalam melindungi kedaulatan negara dan integriti wilayah.

Lawatan perpisahan Panglima ATM ke Kementerian Pertahanan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Januari. - Kementerian Pertahanan telah menerima lawatan perpisahan daripada Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab. Rahman yang mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dari 21 Januari hingga 22 Januari 2025.

Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad pagi tadi membuat kunjungan perpisahan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Sebelumnya, Yang Berbahagia Panglima ATM itu juga telah

mengadakan kunjungan perpisahan kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejor Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohammad Haszaimi bin Bol Hassan dalam sesi secara bersinggahan.

Dalam perjumpaan tersebut, Yang Berbahagia telah menyatakan penghargaan yang mendalam atas sokongan dan kerjasama diberikan oleh ABDB, yang telah memainkan peranan penting dalam mengukuhkan hubungan erat di antara kedua angkatan tentera. Yang Berbahagia turut menegaskan komitmen ATM untuk terus meningkatkan lagi kerjasama ke arah itu.

Seterusnya, Yang Berbahagia juga menyatakan rasa terima kasih



KEMENTERIAN Pertahanan semasa menerima lawatan perpisahan daripada Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab. Rahman yang mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam (atas dan kiri), manakala gambar bawah kanan, sekitar upacara tersebut.





BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Bulan Rejab adalah bulan yang mencatatkan sejarah yang sentiasa diingat oleh umat Islam kerana dalam bulan inilah berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dalam peristiwa ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diisrakkan (diperjalankan) dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin dan kemudian dimikrajkan (dinaikkan) ke langit menuju Sidratulmuntaha. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 1 :

Tafsirnya : "Maha suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya pada waktu malam dari Masjidil Haram (di Mekah) ke Masjidil Aqsa (Baitulmaqdis di Palestin) yang Kami berkati sekelilingnya supaya Kami

Menuju kejayaan dengan sembahyang

memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran dan kekuasaan) Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".

Dalam peristiwa tersebut, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyaksikan tanda-tanda keagungan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala dan di kemuncak peristiwa inilah Allah Subhanahu Wata'ala telah memfardukan sembahyang lima waktu kepada umat Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 78 :

Tafsirnya : "Dirikanlah sembahyang mulai tergelincir matahari hingga sampai gelap malam dan (dirikanlah) Sembahyang Subuh, sesungguhnya Sembahyang Subuh itu disaksikan (oleh malaikat)".

Ibadah sembahyang adalah tanda ketaatan dan kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang telah melimpahkan berbagai-bagi nikmat dan rahmat. Sesungguhnya ibadah sembahyang adalah ibadah yang utama dan yang mula-mula sekali akan diperhitungkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala pada Hari Kiamat kelak.

Oleh itu, jika seseorang itu sempurna sembahyangnya nescaya berbahagialah dan beruntunglah dia. Sebaliknya jika tidak sempurna sembahyangnya maka akan rugi dan menyesal dia kelak. Apatah lagi bagi mereka yang meninggalkan sembahyang kerana hukumnya berdosa besar dan Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan sekasan yang pedih di akhirat kelak. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Muddaththir, ayat 42 hingga 43 :

Tafsirnya : "(Mereka berkata) : "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Sakar?" Orang-orang berdosa itu berkata : "Kami tidak termasuk dalam golongan yang mendirikan sembahyang".

Sesungguhnya ibadah sembahyang itu sangat banyak fadilat dan kesannya dalam kehidupan. Antaranya ialah :

Pertama : Mengajar tentang pengurusan masa. Melalui ibadah sembahyang, kita belajar melakukan perkara-perkara yang lebih utama iaitu mengenai kepentingan

masa, ketepatan masa dan mendisiplinkan diri untuk menepati waktu. Daripada Abdullah bin Masud Radiallahuanhu, bawawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah ditanya mengenai amalan yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sembahyang pada waktunya". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Kedua : Mengajar ke arah memperbaiki diri. Terdapat banyak cara bagi seorang Muslim untuk memperbaiki dirinya. Antaranya ialah dengan sentiasa berzikir mengingat Allah Subhanahu Wata'ala, membaca Al-Quran serta memahami erti isi kandungannya dan yang terpenting adalah melaksanakan ibadah sembahyang. Dengan demikian, mampu menolong seseorang itu menghindarkan dirinya daripada melakukan perkara-perkara mungkar dan dosa.

Ketiga : Mengukuhkan hubungan sesama insan. Adapun antara amalan yang terpenting dalam ibadah sembahyang ialah melakukan sembahyang secara berjemaah. Sembahyang berjemaah itu mempunyai rahnianya yang sangat istimewa, antaranya ialah dapat menghidupkan rasa kesatuan yang sebenarnya di dalam jiwa umat Islam. Ini kerana dapat membawa kemesraan serta menyemarakkan semangat persaudaraan seagma.

Keempat : Membawa kejayaan dan keberkatan dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Di dalam Al-Quran ada disebutkan tentang orang-orang beriman yang berjaya mencapai keselamatan hidup di dunia dan menikmati kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak ialah mereka yang mengerjakan suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya iaitu dengan mengerjakan sembahyang dengan khusyuk, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mu'minun, ayat 1 hingga 2 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya berjayaalah orang-orang beriman. (laitu) orang-orang yang khusyuk dalam sembahyang mereka".

Balasan bagi orang yang sentiasa

menjaga dan memelihara sembahyangnya maka sudah pasti Allah Subhanahu Wata'ala memberikan ganjaran Syurga, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Mu'minun, ayat 9 hingga 11 :

Tafsirnya : "Dan orang-orang yang tetap memelihara sembahyang mereka. Mereka itulah pewaris-pewaris. Yang akan mewarisi Syurga Firdaus, mereka kekal di dalamnya".

Jelas sekali sembahyang adalah penentu segala-galanya. Pada zaman yang serba moden ini, menjadikan kita semakin sibuk dengan hal ehwal dunia. Akan tetapi janganlah kita jadikan kesibukan itu sebagai satu alasan untuk kita mencuaikan dan melalaikan ibadah sembahyang.

Ringan atau beratnya ibadah sembahyang itu bergantung pada keimanan seseorang. Oleh itu, semakin beriman seseorang itu bererti semakin mudahlah ia menunaikan dan mendirikan sembahyang akan tetapi jika kurangnya iman seseorang itu terhadap Allah Subhanahu Wata'ala maka akan berasa berat dan malaslah ia untuk menunaikan ibadah sembahyang.

Akhirnya, marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya, di samping kita mempertingkatkan usaha dalam mendidik anak-anak dan ahli keluarga kita agar tetap menyempurnakan kewajipan masing-masing terutama dalam ibadah sembahyang. Mudah-mudahan dengan yang demikian, kita semua akan terhindar dan tidak termasuk ke dalam Neraka Sakar serta terhindar daripada sebarang bahaya dan bala bencana. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan perintahkanlah keluargamu mendirikan sembahyang dan bersabarlah dalam menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki daripadamu (bahkan) Kamilah yang mengurniakan rezeki kepadamu. Dan akibat (kesudahan yang baik) adalah bagi orang-orang yang bertakwa". (Surah Ta-Ha, ayat 132)

PPDB adakan Latihan Tembak

Siaran Akbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Rabu, 22 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Tembak pada 1, 3, 4 dan 5 Februari 2025 bermula jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang di Kompleks Padang Tembak Polis Diraja Brunei, Simpang 338 Jalan Muara, Kampung Sungai Akar.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihati supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan tersebut yang mana latihan tembak akan dijalankan menggunakan peluru hidup bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku di sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

Latihan Bersepadu, 6 Februari 2025

GADONG, Rabu, 22 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei akan mengadakan Latihan Bersepadu bersama agensi-agensi keselamatan pada Khamis, 6 Februari 2025 bermula jam 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di kawasan Ibu Pejabat Polis Gadong.

Sehubungan itu, orang ramai yang tinggal berdekatan kawasan tersebut dinasihati supaya tidak berasa cemas dan menghampiri tempat latihan keselamatan tersebut bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

Cuaca diramalkan aktif sehingga 27 Januari

Siaran Akbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Januari. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada di penghujung fasa separuh pertama Monsun Timur Laut, juga dikenali sebagai Musim Tengkujuh.

Negara lazimnya mengalami keadaan cuaca tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat berlaku terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi.

Berikutnya kejadian ribut petir yang berlaku semalam dan menjelaskan kebanyakan kawasan negara, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) telah mengeluarkan amaran cuaca berwarna merah yang bermaksud risiko tinggi iaitu saranan untuk mengambil tindakan yang tertentu.

Stesen Pencerapan Cuaca, BDMD di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah merekodkan turunan hujan tertinggi sehari bagi bulan ini iaitu sebanyak 103.2mm.

Jumlah tersebut telah mencapai sekitar 40 peratus daripada jumlah keseluruhan turunan hujan secara purata bagi bulan Januari, hanya dalam masa kejadian satu hari.

Manakala, Stesen Cuaca Automatik Kebangsaan di tiga

kawasan iaitu Anggerek Desa, Bandar Seri Begawan dan Benutan merekodkan jumlah turunan hujan masing-masing sebanyak 193mm, 142mm dan 113.2mm.

Keadaan cuaca masih diramalkan aktif sehingga Isnin, 27 Januari 2025. Hujan lebat dan berpetir dijangka berlaku sekali-sekala, menjelaskan kebanyakan kawasan pesisiran dan perairan negara pada waktu pagi dan malam, serta di kawasan pedalaman negara pada waktu petang. Kelajuan angin sehingga 50kmsj semasa atau dekat hujan.

Keadaan laut pada amnya berombak diparas sedikit ke sederhana, antara 0.5 sehingga 1.5 meter.

Untuk itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat

dan keadaan berangin kencang. Keadaan laut di paras sederhana adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh BDMD dan membuat perancangan yang bersetujuan untuk keselamatan semua.

Pihak BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit kami iaitu Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook @bruneiweather, Instagram @brunei.weather dan saluran Telegram Brunei Weather.

MENUJU KEJAYAAN DENGAN SEMBAHYANG

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 24 Rejab 1446H bersamaan 24 Januari 2025M



BULAN REJAB

Bulan yang
mencatatkan sejarah
berlakunya peristiwa:

Isra' dan Mi'raj
Rasulullah SAW

DALAM PERISTIWA TERSEBUT ➔

- 1 Rasulullah SAW telah menyaksikan tanda-tanda keagungan dan kekuasaan Allah SWT
- 2 Di kemuncak peristiwa inilah Allah SWT telah memfardhukan sembahyang lima waktu kepada umat Islam

Isra'

Rasulullah SAW telah diisra'kan (diperjalankan) dari Masjidil Haram Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin

Mi'raj

Kemudian dimi'rajkan (dinaikkan) ke langit menuju ke Sidratul Muntaha

IBADAH SEMBAHYANG:



- ✓ Tanda ketaatan dan kesyukuran kita kepada Allah SWT
- ✓ Ibadah yang utama dan yang mula-mula sekali akan diperhitungkan oleh Allah SWT pada hari Kiamat kelak

IBADAH SEMBAHYANG ITU SANGAT BANYAK FADHILAT DAN KESANNYA DALAM KEHIDUPAN. ANTARANYA IALAH:



Mengajarkan tentang pengurusan masa

Mengukuhkan hubungan sesama insan



Mengajar ke arah memperbaiki diri



Membuat kejayaan dan keberkatan dalam kehidupan di dunia dan di akhirat



UBD, SNIBE TANDATANGANI MOU

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam



REPUBLIC RAKYAT CHINA, Rabu, 22 Januari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Shenzhen New Industries Biomedical Engineering Co., Ltd. (Snibe) merasmikan perkongsian strategik dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menggalakkan kerjasama dalam mobiliti pelajar dan kakitangan, penyelidikan dan latihan khusus.

Majlis Menandatangani MoU yang diadakan baru-baru ini di Ibu Pejabat Snibe di Shenzhen dirasmikan oleh Naib Canselor

UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle dan Pengurusi dan Pengurus Besar Snibe, Dr. Rao Wei.

Turut hadir dari UBD ialah Penolong Naib Canselor (Global Engagement), Dr. Joyce Teo Siew Yean; Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan), Dr. Masairol bin Haji Masri dan Dekan Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Dr. Dayang Hajah Hardimah binti Haji Mohd. Said.

Manakala dari Snibe pula ialah Naib Presiden Perniagaan



UNIVERSITI Brunei Darussalam (UBD) dan Shenzhen New Industries Biomedical Engineering Co. Ltd. (Snibe) menandatangani Memorandum Persefahaman bagi menggalakkan kerjasama dalam mobiliti pelajar dan kakitangan, penyelidikan dan latihan khusus (atas) manakala gambar kiri, Naib Canselor UBD ketika menyaksikan pameran.

Antarabangsa dan Pengurusan Snibe, Lucy Liu. Perkongsian ini mengeratkan lagi hubungan antara ahli akademik dan industri dalam Sektor Bioperubatan.

Inisiatif utama termasuk program pertukaran dan latihan untuk pelajar dan kakitangan, pembangunan projek penyelidikan bersama dalam inovasi bioperubatan dan penciptaan program latihan khusus dalam diagnostik bioperubatan lanjutan.

Semasa majlis itu, Dr. Hazri

menekankan kepentingan kerjasama ini dalam memacu penyelidikan yang memberi impak dan meluaskan peluang global untuk pelajar dan kakitangan UBD.

Snibe telah berdedikasi dalam bidang instrumen makmal klinikal dan diagnostik *in vitro* selama 30 tahun, secara konsisten menyumbang kepada kemajuan kesihatan manusia. Ia juga merupakan pengilang *chemiluminescence immunoassay*

pertama di China yang mendapat kelulusan FDA.

Perikatan itu menekankan komitmen UBD untuk memupuk perkongsian global yang bermakna dan dedikasi Snibe untuk memajukan teknologi bioperubatan.

Kedua-dua institusi berhasrat untuk memupuk sinergi dinamik yang merapatkan bidang akademik dan industri, menyumbang kepada inovasi dan kesejahteraan masyarakat.

3 buku, 2 artikel terima Anugerah Buku UNISSA 2024



PARA penerima Anugerah Buku Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa bergambar ramai (atas), manakala gambar atas kanan, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan UNISSA, Dr. Hajah Sri Rahayu@Nurjanah binti Haji Dollah ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Januari. - Sebanyak tiga buah buku dan dua artikel jurnal berimpak tinggi telah dinobatkan untuk menerima Anugerah Buku Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dalam Majlis Anugerah Buku UNISSA 2024 yang berlangsung di Ruang Legar Perpustakaan UNISSA, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Penolong Rektor (Akademik) UNISSA, Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad selaku wakil Rektor UNISSA. Turut hadir

bagi meraikan majlis ialah penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama UNISSA dan penulis-penulis buku.

Majlis Anugerah Buku UNISSA 2024 dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan doa yang dipimpin oleh Pegawai Ugama UNISSA, Pengiran Muhammad Daud bin Pengiran Matassan.

Seterusnya, ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan UNISSA, Dr. Hajah Sri Rahayu@Nurjanah binti Haji

Dollah.

Acara diteruskan dengan penyampaian Anugerah Buku oleh tetamu kehormat majlis kepada para pemenang yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu Kategori Buku Bahasa Arab, Kategori Buku Bahasa Inggeris dan Kategori Buku Bahasa Melayu.

Pemenang bagi Kategori Buku Bahasa Arab ialah buku tulisan Profesor Dr. Moustafa Mohammed Rizk Elsayahly. Sementara buku yang berjudul 'Orientalism, Modernization and Islamic

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

'Architecture' hasil tulisan Profesor Madya Dr. Spahic Omer telah dipilih sebagai pemenang bagi Kategori Buku Bahasa Inggeris.

Bagi Kategori Buku Bahasa Melayu pula, pemenangnya ialah buku yang berjudul 'Pertautan Seni Lukis Brunei Darussalam dan Melayu Islam Beraja' merupakan karya Profesor Madya Dr. Baharuddin Mohd. Arus dan Dayang Nur Rita binti Abdullah Rani.

Bagi Kategori Anugerah Penerbitan Artikel Jurnal Berimpak Tinggi pula, ia terbahagi kepada dua iaitu Artikel Jurnal Berimpak Tinggi dengan *high-cited* terbanyak dan Artikel Jurnal Berimpak Tinggi dengan jumlah bilangan penerbitan terbanyak.

Artikel yang bertajuk 'Effects Of Water Additive Probiotic, *Pediococcus Acidilactici* on Growth Performance, Feed Utilization, Hematology, Gene Expression and Disease Resistance Against Aspergillus Flavus of Nile Tilapia (*Oreochromis Niloticus*)' hasil penulisan bersama Dr. Mohammad Bodrul Munir, Dr. Basma M. Hendam, Dr. Moaheda E.H. Eissa, Dr. Ehab El-Haroun, Dr. Hien van Doan, Dr. Thian Hai Chung dan Dr. El-Sayed Hemdan Eissa telah dipilih sebagai pemenang bagi Artikel Jurnal Berimpak Tinggi dengan *high-cited* terbanyak iaitu sebanyak 26 *citations*.

Anugerah Artikel Jurnal Berimpak Tinggi dengan jumlah bilangan penerbitan tertinggi pula telah dianugerahkan kepada Profesor Dr. Ahmad Osman Haruna dengan jumlah terbitan sebanyak sembilan terbitan pada tahun 2023.



Majlis Anugerah Buku UNISSA ini merupakan salah satu inisiatif Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, UNISSA dalam menitikberatkan bidang penyelidikan dan penerbitan. Anugerah Buku UNISSA 2024 merupakan terbitan-terbitan UNISSA Press pada tahun 2022 sehingga 2023.

Antara tujuan majlis diadakan ialah untuk memberi pengiktirafan secara formal terhadap buku-buku yang telah memberi impak kepada pembinaan ilmu serta memberi galakan dan motivasi kepada para penulis buku untuk lebih berjaya aktif dalam penyelidikan dan penulisan.

Di samping itu, anugerah seperti ini diharap akan memberi suntikan semangat dan daya saing kepada para penulis buku untuk terus menghasilkan buku yang berkualiti.

PENJAWAT AWAM PERLU PEMIKIRAN, SIKAP LEBIH DINAMIK

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



RIMBA, Rabu, 22 Januari. - Dalam mendepani masa hadapan yang tidak menentu, penjawat awam perlu melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengalaman baharu serta pemikiran dan sikap yang lebih dinamik kerana ini akan membuka ruang kepada tercetusnya aspirasi baharu dan membawa transformasi dalam pelbagai bidang.

Ketika ini, penjawat awam berhadapan dengan pelbagai cabaran dan masih banyak halangan yang perlu diempuhi. Namun, terdapat banyak bidang baharu yang masih perlu diterokai, dan yang paling penting adalah memahami apa yang perlu dipelajari, termasuk kaedah pembelajaran yang berkesan, kesedian untuk mengulangi proses pembelajaran, keberanian meneroka bidang baharu dan komitmen untuk terus belajar demi mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Pemangku Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali menyatakan perkara tersebut semasa menyampaikan ucapannya selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Hari Pelanggan Institut Perkhidmatan Awam (HPIPA) 2025 bertempat di Dewan Isyraq, IPA,

"Berdasarkan Laporan The

hari ini.

Menyentuh mengenai tema majlis iaitu 'Transformasi Perkhidmatan Awam Melalui Pembinaan Keupayaan' yang menekankan peranan penting pembangunan modal insan dalam mencorak tadbir urus sektor awam yang mantap serta berupaya mendukung agenda kemajuan negara.

Pengertian transformasi itu tegasnya, bukan sekadar penerapan sistem baharu sahaja, malah turut menekankan aspek pemerksaan individu atau *empowerment* untuk memimpin perubahan, memupuk inovasi dan meningkatkan kecemerlengkan.

Transformasi ujarnya, bukanlah satu proses spontan kerana ia memerlukan perancangan yang rapi yang disejajarkan dengan matlamat perubahan yang diharatkan, dalam mana pembinaan keupayaan atau *capability building* adalah sebagai terasnya.

Ke arah ini katanya lagi, pelaburan dalam meningkatkan keupayaan adalah sangat mustahak dan keutamaan hendaklah terus diberikan kepada usaha-usaha pembangunan kapasiti warga kerja agar Perkhidmatan Awam itu akan terus relevan dan berdaya tahan.

menjadi tuan rumah bagi Majlis Penyampaian Sijil Kursus Bahasa Turki bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP.



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri bergambar ramai semasa Majlis Pelancaran Hari Pelanggan Institut Perkhidmatan Awam (HPIPA) 2025 (atas), manakala gambar kiri, sekitar Majlis Pelancaran HPIPA 2025 tersebut.

Future of Jobs 2025 keluaran World Economic Forum, menyatakan bahawa antara kemahiran penting untuk tahun 2025 termasuklah pemikiran analitikal, kedayaatahanan, kepimpinan, kreativiti, pembelajaran berterusan dan penggunaan teknologi termasuk AI. Sementara bagi sektor kerajaan pula, kemahiran AI, data raya dan keselamatan siber akan menjadi semakin penting menjelang 2030.

"Selaras dengan perkembangan ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khasnya menerusi IPA akan sentiasa komited dalam memastikan program-program latihan yang ditawarkan memenuhi keperluan semasa dan mencapai standard yang ditetapkan. Program-program yang disediakan tersebut turut disejajarkan dengan Wawasan Brunei 2035 khususnya dalam konteks 'Transformasi Perkhidmatan Awam'.

Di samping itu, ia juga dirangka berdasarkan analisis keperluan pembelajaran melalui kaji selidik (*learning needs analysis*) dan *engagement sessions* bersama kementerian dan jabatan, serta mengambil kira trend semasa," tambahnya.

Beliau seterusnya mengongsikan, pada tahun ini Negara Brunei Darussalam melalui IPA akan menjadi tuan rumah bagi

ASEAN Network of Public Service Training Institute atau ringkasnya PSTI bagi tahun 2025 hingga 2026, yang antara lain bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dan pertukaran kepakaran antara Negara ASEAN berkaitan pembangunan keupayaan sektor awam dan seterusnya menyumbang kepada usaha-usaha transformasi sektor awam dalam ASEAN.

Melangkah ke hadapan, IPA ujarnya, akan terus sahaja meneroka dan menjalin kerjasama baharu dalam bidang kepimpinan seperti mana yang baru-baru ini diadakan iaitu Program Eksekutif Kepimpinan bersama Mohammed bin Rashid School of Government, Emiriah Arab Bersatu; Lee Kuan Yew School of Public Policy, Singapura dan Chandler Institute of Governance.

Bertemakan 'Transformasi Perkhidmatan Awam Melalui Pembangunan Kapabiliti', antara pengisian majlis HPIPA 2025 kali ini ialah Ceramah Khas mengenai Innovation and Artificial Intelligence (AI) yang disampaikan oleh Awang Loo Yau Soon, International Advisory Board Member, Brunei Economic Development Board and Board Director of Mission Holdings, Singapore; dan Bicara Motivasi mengenai tema Hari Pelanggan. Majlis diserikan lagi dengan pameran yang disertai oleh beberapa agensi berkenaan termasuk institusi-institusi

pengajian tinggi.

Antara objektif Hari Pelanggan ialah membarangakan dan meningkatkan pengetahuan mengenai program pembelajaran dan perkhidmatan yang ditawarkan IPA termasuk konsultasi, peminjaman fasiliti pembelajaran dan lain-lain.

Di samping itu, IPA berharap akan dapat memperkuuh rangkaian kerja bersama kementerian dan jabatan-jabatan, swasta dan GLCs. Sebanyak 58 buah program *planner* berdasarkan kompetensi membariskan Program-program Kepimpinan, Urus Tadbir, ICT, Inovasi, Komunikasi, Pengurusan, Sumber Manusia dan Perkhidmatan Pelanggan di samping program-program pensijilan, *signature* dan *flagship* telah disediakan.

48 peratus daripadanya merupakan program berupa inovasi dan ICT. Penyertaan program-program dibukakan kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam, swasta dan GLCs.

Juga hadir ialah Pengarah IPA, Dr. Dayang Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh; ketua pengarah, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, Komiti Penghubung Berkepentingan (SLC) dan HRD Ambassador (HRDA), kementerian serta GLCs dan juga swasta selaku jemputan khas.

Meningkatkan kompetensi profesional sektor hospitaliti, pelancongan



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Kursus Bahasa Turki.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Januari. - Untuk mengiktiraf pencapaian sembilan orang profesional dalam industri hospitaliti dan pelancongan yang

berjaya menamatkan pengajian Kursus Bahasa Turki, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan

menjadi tuan rumah bagi Majlis Penyampaian Sijil Kursus Bahasa Turki bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi.

Juga hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy.

Kursus Bahasa Turki, yang berlangsung bermula 2 Julai 2024 hingga 3 Disember 2024 berkenaan dianjurkan melalui kerjasama antara Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP, Kedutaan Republik Turkiye dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Kerjasama berkenan bertujuan untuk memasukkan pemandu pelancong dan pekerja barisan hadapan di hotel di NBD untuk belajar dan boleh bertutur dalam bahasa Turki.

Objektif utama mengadakan kursus berkenan adalah untuk

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

meningkatkan kompetensi profesional dalam sektor hospitaliti dan pelancongan dengan perkhidmatan dan pengalaman yang menarik untuk pelancong berbahasa Turki.

Kursus berkenaan melengkapkan peserta dengan tatabahasa dan kosa kata asas Turki yang diperlukan untuk komunikasi asas dalam situasi harian. Fokus pada percakapan, kemahiran menulis dan mendengar, modul membolehkan peserta memperkenalkan diri dan orang lain, bertanya dan menjawab soalan peribadi yang mudah dan memahami ungkapan biasa setiap hari. Ini menyediakan asas praktikal untuk interaksi sosial di peringkat permulaan.

Jabatan Kemajuan Pelancongan sangat komited untuk meningkatkan kualiti hospitaliti dan perkhidmatan pelancongan di NBD. Pelbagai program latihan baharu telah diperkenalkan untuk industri pelancongan bagi



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam ketika berucap.

memastikan profesional memiliki kemahiran dan pengetahuan untuk menyampaikan perkhidmatan berkualiti tinggi, seterusnya memperkayakan pengalaman pelawat.

35 PESERTA BPTBM TERIMA SIJIL

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit ketika menyampaikan sijil kepada peserta bengkel berkenaan.

BERAKAS, Rabu, 22 Januari. - Bengkel Pemantapan Tatabahasa Bahasa Melayu (BPTBM) anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa yang diadakan selama dua hari berakhir dengan penyampaian sijil kepada para peserta bengkel.

Hadir selaku tetamu khas pada Majlis Penutupan BPTBM yang berlangsung di Balai Sarmayuda DBP Berakas itu ialah Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.

Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Dayang

Hajah Annisa binti Haji Moksin selaku Setiausaha BPTBM dalam madah aluannya berharap semua peserta dapat memperoleh ilmu pengetahuan yang dikongsikan untuk memperdalam pengetahuan ketatabahasaan; mempertingkatkan kemahiran dan kecekapan dalam penyuntingan serta kepenggarangan sehingga dapat mengaplikasikannya dalam kerja-kerja editorial dan penulisan. Di samping itu, tambahnya, ilmu yang bermanfaat ini diharuskan agar dapat menjadi panduan dan sukat-sukat dalam menggunakan pakai serta menyebarluaskan

penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam bidang kerja dan kehidupan sehari-hari.

Selama dua hari berbengkel ujarnya, para peserta telah diberi pendedahan mengenai ilmu-ilmu kebahasaan yang sangat berguna dalam bidang pekerjaan dan profesi masing-masing.

"Pada dasarnya, bengkel ini bermatlamat untuk membantu para peserta mengasah kemahiran, terutama para penyunting dan editor dalam meningkatkan penguasaan tatabahasa bahasa Melayu yang betul, guna untuk meningkatkan kualiti penyuntingan dan penulisan tanah air," jelas beliau.

Majlis diteruskan dengan ulasan daripada fasilitator BPTBM, iaitu Penolong Profesor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hasmidar binti Hassan dan diikuti oleh ucapan daripada Pegawai Bahasa DBP, Awang Raieham bin Mohd. Salleh selaku Ketua Peserta BPTBM. Majlis diserikan dengan penyampaian sijil kepada fasilitator dan peserta BPTBM oleh tetamu khas majlis dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Bengkel disertai oleh 35 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai dan warga kerja DBP, Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, yang berkapsiti sebagai penyunting manuskrip atau terbitan mana-mana keluaran, iaitu sebagai penyegaran semula dan nilai tambah dalam kerja-kerja dan tugas yang dilaksanakan bagi usaha meningkatkan mutu dan kualiti kerja.



SEKITAR bengkel yang diadakan di Balai Sarmayuda DBP Berakas (atas dan bawah).



Terus memperkuuh akses keadilan, meningkatkan kecekapan

>> Muka 13

Yang Amat Arif menambah, ini akan menyumbang kepada usaha nasional yang lebih luas untuk menyokong keluarga dan mengurangkan kesan konflik terhadap kanak-kanak dan mengalu-alukan semua pihak berkepentingan dalam sektor perundungan, kesihatan dan penjagaan sosial untuk berkumpul dan membuat keadilan keluarga lebih mudah diakses dan sesuai dengan tujuannya.

Menyentuh mengenai Program Mentorship dan latihan, Yang Amat Arif menyatakan mentorship adalah bahagian penting dalam perjalanan seseorang di dunia undang-undang dan semua peguam muda harus secara aktif memupuk dan mencari peluang untuk program mentorship dan ini memudahkan pemindahan kemahiran, etika, nilai dan tradisi profesi undang-undang.

Menurut Yang Amat Arif lagi, pengalaman yang tidak ternilai dan kepakaran mentor boleh memainkan peranan penting dalam membentuk Badan Peguam yang moden, membuka kunci potensi mentees dan memperkasa peguam muda untuk mencapai matlamat dan kecemerlangan mereka.

"Saya sangat percaya nilai bimbingan dalam memupuk peningkatan profesional dalam komuniti undang-undang kita dan berharap ahli komuniti undang-undang kita akan mempertimbangkan skim bimbingan mentorship demi untuk mendukung dan memperkasa masa depan profesi undang-undang di Brunei."

"Saya juga menggalakkan peguam untuk mendapatkan

peluang pendidikan dan latihan yang lebih lanjut dengan menyertai bengkel perdebatan, perbahasan dan pertandingan adalah berharga untuk mengasah kemahiran advokasi lisani.

"Di samping itu, membangunkan kecekapan undang-undang dalam bidang data dan ekonomi digital juga akan membantu apabila peguam dijangka menangani dan menasihati isu-isu undang-undang yang melibatkan hal-hal pengawalseliaan teknologi yang terdiri daripada e-Dagang, privasi data dan perlindungan, keselamatan siber dan jenayah siber kerana pentingnya mempunyai kemahiran dan piawaian etika yang diperlukan untuk mengamalkan undang-undang di era Kecerdasan Buatan (AI)," ujar Yang Amat Arif lagi.

Dalam garis panduan penggunaan AI, Yang Amat Arif mengongsikan bahawa Badan Kehakiman akan memperkenalkan garis panduan mengenai penggunaan AI generatif untuk para hakim dan pegawai kehakiman dengan garis panduan berkenaan akan membentuk peraturan umum dan membimbing prinsip mengenai peraturan penggunaan AI dalam menjalankan tugas kehakiman.

"Saya harus menekankan bahawa AI memberi sokongan tetapi tidak akan menggantikan fungsi dan prinsip-prinsip kebebasan kehakiman, kesaksamaan dan akauntabiliti harus terus tetap ditegakkan."

"Sesungguhnya, adalah penting untuk memanfaatkan kebaikan penggunaan teknologi AI, sambil menetapkan dengan jelas peranan manusia dalam pentadbiran keadilan."

"Sehubungan dengan ini, saya juga mencadangkan agar Persatuan Undang-undang

meneliti penghasilan garis panduan bagi ahli profesion guaman yang menggunakan atau bercadang untuk menggunakan alat AI generatif sebagai sebahagian daripada amalan mereka," ujar Yang Amat Arif.

Pada Julai 2024 tambah Yang Amat Arif lagi, kita telah mengadakan taklimat mengenai insolvensi dan hal-hal penstrukturkan semula dengan pihak berkepentingan dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Pejabat Peguam Negara di mana taklimat berkenaan disampaikan oleh Hakim Bahagian Rayuan Mahkamah Besar Singapura, Hakim Kannan Ramesh, mengenai 'Insolvensi dan Penstrukturkan Semula : Perjalanan Singapura' yang memberi peluang untuk mempelajari pengalaman terkini Singapura dalam memperbaharui rejim insolvensi dan penstrukturkan semula mereka.

Secara ringkas kata Yang Amat Arif, Singapura telah beralih daripada model yang dipacu oleh pemutang dalam mengutamakan hak pemutang apabila menangani kes insolvensi dan sebaliknya, negara ini kini bergerak ke arah satu rejim yang memberi penekanan lebih besar kepada pemuliharaan nilai perniagaan.

Yang Amat Arif seterusnya menyatakan, Singapura juga memperkenalkan inisiatif pra-kebankrapan seperti Skim Pembayaran Balik Hutang yang membolehkan penghutang dengan hutang tidak bercagar memasuki pelan pembayaran balik hutang dengan pemutang mereka dan mengelakkan kebankrapan, bersama dengan sekatan dan stigma sosialnya.

Tambah Yang Amat Arif lagi,

Singapura juga mengiktiraf keperluan untuk membantu individu menangani masalah hutang tidak bercagar mereka dan melalui pertubuhan tidak berdasarkan keuntungan, Credit Counseling Singapore (CCS), ia telah membantu lebih 35,000 orang melalui pendidikan, kaunseling kredit dan memudahkan penstrukturkan semula hutang.

"Tindakan kami seterusnya ialah bekerjasama dengan Persatuan Undang-undang dan mendapatkan pandangan mereka mengenai isu yang sama yang disebutkan.

"Saya harus mengulangi bahawa


semua pihak berkepentingan harus menyedari kepentingan ekosistem insolvensi dan penstrukturkan semula yang berkesan dalam membawa manfaat kepada ekonomi kita dalam menggalakkan keusahawanan, akses kepada kewangan dan pertumbuhan ekonomi.

"Sesungguhnya, ini memerlukan pendekatan menyeluruh dalam negara dan pembaharuan rejim insolvensi dan penstrukturkan semula NBD hanya akan dapat dicapai dengan usaha bersepadu dan usaha sama semua pihak berkepentingan," ujar Yang Amat Arif lagi.



ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda





Kes No.
BCY / CP / 53 / 2006

**NOTIS MENGENAI
PEMBAYARAN KOMPOSISI
TERAKHIR**

Nama Penghutang : Makmun bin Hj Dagang (BYIC No.: 00-055591).
Alamat – No.25A, Simpang Jalan Balai Raya, Kampung Masin BH2723, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 53 Tahun 2006 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 24 Oktober 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
30 November 2024

Kes No.
BCY / CP / 145 / 2003

**NOTIS MENGENAI
PEMBAYARAN KOMPOSISI
KETIGA DAN TERAKHIR**

Nama Penghutang : Ibrahim bin Haji Moktal (BYIC No.: 00-014359). **Alamat –** No.14, Jalan 2, Simpang 21, RPN Lambak Kanan, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 145 Tahun 2003 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 18 September 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
30 November 2023

Kes No.
BCY / CP / 236 / 2020

**NOTIS MENGENAI
PEMBAYARAN KOMPOSISI
TERAKHIR**

Nama Penghutang : Muhammad Azahari bin Johari (BYIC No.: 00-284207). **Alamat –** No.16, Simpang 33, Jalan D, Kg. Perpindahan Mentiri, Jalan Kota Batu BU2129, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 424 Tahun 2009 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 17 Oktober 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Perkhidmatan Pengurusan,
Jabatan Perdana Menteri

Tajuk Sebut Harga:
JPP / 1 / 3 / 16 / 7 / 24 - 25
Quotation For Supply,
Delivery And Installation
Of Zebra Blinds With Centre
Panel To Cover Light And
Supply And Installation Of WPC
Decorative Wall Pannels And
Marble Sheets With Glue
For Management Services
Department, Prime Minister's
Office, Bangunan Bahirah,
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan

**Yuran Sebut Harga
(Termasuk E-Dokumen):**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka Tawaran:
Rabu,
22 Januari 2025.

Tarikh Tutup:
Khamis,
30 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

**MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Dibukakan Kepada Pemberong-Pemberong (Tidak Terhad)
Di Bawah Kategori KPB 05 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JMM / JKSH / 2025 / 01

Tajuk Tawaran:
To Provide Services
For Termite Elimination Program
To Bangunan Dewan Majlis
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND15.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
28 Januari 2025.

Tarikh Tutup:
Selasa,
4 Februari 2025.
Jam 2.00
Petang.

IKLAN

Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 236 Tahun 2020 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 18 September 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
30 November 2023

Kes No.
BCY / CP / 424 / 2009

**NOTIS MENGENAI
PEMBAYARAN KOMPOSISI
TERAKHIR**

Nama Penghutang : Haji Ibrahim bin Haji Timbang (BYIC No.: 00-073279). **Alamat –** No.11, Simpang 74-59-108-37-6-11-6, STKRJ Kg. Mata-Mata Katok (B) Gadong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 424 Tahun 2009 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 17 Oktober 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
30 November 2023

Kes No.
BCY / CP / 477 / 2012

**NOTIS MENGENAI
PEMBAYARAN KOMPOSISI
KEEMPAT**

Nama Penghutang : Mosdi bin Sinapang (BYIC No.: 00-256033). **Alamat –** No.8, Simpang 930, Kampung Nong Angeh Ukong, Tutong TF1947, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 477 Tahun 2012 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 65%. Pertama atau terakhir selainnya - Keempat Bila Kena Dibayar - 15 Oktober 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
30 November 2023

Kes No.
BCY / CP / 479 / 2012

**NOTIS MENGENAI
PEMBAYARAN KOMPOSISI
PERTAMA**

Nama Penghutang : Haji Md Hassan bin Haji Ismail (BYIC No.:

00-061682). **Alamat –** No.65, Jalan 35, Perumah Kg. Rimba, Gadong BE3119, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 479 Tahun 2012 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar - 30 Oktober 2024.

Di mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
30 November 2023

Kes No.
BCY / CP / 576 / 2012

**NOTIS MENGENAI
PEMBAYARAN KOMPOSISI
PERTAMA**

Nama Penghutang : Rossid Binti Abd Karim (BYIC No.: 00-072597). **Alamat –** No.11, Simpang 363-29-73-12, Kampung Pandan Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 576 Tahun 2012 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 54%. Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar - 4 November 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
4 Disember 2023

Tarikh :
30 November 2023

Nurul Hidayah binti Hamdan
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi,
b/p: Pegawai Penerima Rasmi,
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 301 / 2007

**NOTIS MENGENAI
PEMBAYARAN KOMPOSISI
TERAKHIR**

Nama Penghutang : Abdul Laif bin Haji Yahya (BYIC No.: 00-062259).

Alamat – No.3, Simpang 7, Jalan Kemangsi Timur, RPN Meragang, Jalan Muara BT2728, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 301 Tahun 2007 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 8 Oktober 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Nuuror-Raheebah
Haji Abd Wahab**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi,
b/p: Pegawai Penerima Rasmi,
Mahkamah Besar

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bil. Sebut Harga:
JAPEM / 2025 /
CLEANCUTPPS-SUBOK /
PMK.PWS SW1SRI

Perkara:
12 Months
Contract For
Cleaning & Grasscutting
At Pusat Penempatan
Sementara Belimbang
Subok,
Simpang 564,
JAPEM.

Tarikh Tutup :
Khamis,
13 Februari 2025.

Bilangan Tawaran:
11 / DISEMBER / KKBS /
BKBN / 1.40 / 24

Tajuk Tawaran:
Pembekalan Serta Penghantaran
Keperluan Peralatan Kesihatan
Bagi Kem Latihan Program
Khidmat Bakti Negara

Tarikh Tutup :
Khamis,
6 Februari 2025.





Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

KES NO. BCY/CP/263/2023

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
... Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

FARIDAH NORHAYATI
BINTI TA'AI

BYIC No. 00-286146
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 21 Disember 2024.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

FARIDAH NORHAYATI BINTI TA'AI
No. 8, Spg.16, Kg. Bukit Beruang
Tutong TC3145,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 30 Oktober 2023

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 26 November 2024

KES NO. BCY / CP / 263 / 2023

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
... Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

FARIDAH NORHAYATI
BINTI TA'AI

BYIC No. 00-286146
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 Disember 2024.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9), Mahkamah Besar pada 25 Januari 2025 jam 9.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah

diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 25 Januari 2025 jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh: 26 November 2024

MOHAMMAD MARZUQI
BIN SABTU

Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY/CP/190/2024

PERBADANAN TABUNG
AMANAH ISLAM BRUNEI
... Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

AMANSAH BIN MOHD ZAINI

BYIC No. 00-275994
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 17 Oktober 2024.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

AMANSAH BIN MOHD ZAINI

No. 42, Simpang 32,
Jalan Teripas,
Perumahan Panaga, Seria,
Kuala Belait,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 17 Ogos 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 14 Disember 2024

KES NO. BCY/CP/190/2024

PERBADANAN TABUNG
AMANAH ISLAM BRUNEI
... Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

AMANSAH BIN MOHD ZAINI

BYIC No. 00-275994
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 17 Oktober 2024.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan

Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 19 Februari 2025 jam 9.15 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 19 Februari 2025 jam 9.15 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh: 14 Disember 2024

NURUL HIDAYAH

BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY/CP/22/2024

BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD
... Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

DESMOND BOON KOONG YIN

BPIC NO. 30-203884
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 26 Oktober 2024.
Nama dan alamat terakhir diketahui:

DESMOND BOON KOONG YIN

Lot no. 176, Jalan Sharif Ali,
Seria, Kuala Belait, KB 2733.
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen: 15 Jun 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 16 Disember 2024

KES NO. BCY/CP/22/2024

BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD

... Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

DESMOND BOON KOONG YIN

BPIC NO. 30-203884
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 26 Oktober 2024.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 10 Mac 2025 jam 9.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 10 Mac 2025 jam 9.30 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh: 16 Disember 2024

Kes No.
BCY / CP / 263 / 2020

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama

Nama Penghutang : Samsul bin Sulaiman (BYIC No.: 00-126656). Alamat – No.516, Kampung Keriam, Tutong TB1141, Brunei Darussalam. **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** – Kebankrapan Bil. 52 Tahun 2022

Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 3.6%. Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar – 13 November 2024.

Di mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
5 Disember 2024

terakhir selainnya - Kedua Bila Kena Dibayar – 17 Oktober 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
4 Disember 2024

Kes No.
BCY / CP / 210 / 2005

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga

Nama Penghutang : Ibrahim bin Mokti (BYIC No.: 00-068527). Alamat – No.21, Simpang 61, Kampung Sungai Tanit, Temburong PA2151, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 210 Tahun 2005 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 6.1%. Pertama atau terakhir selainnya - Ketiga Bila Kena Dibayar – 5 November 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 5 Disember 2024

Kes No.
BCY / CP / 52 / 2022

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama

Nama Penghutang : Normawati binti Haji Abd Rahman (BYIC No.: 00-291386). Alamat – No.5, Simpang 155 Kampung Tagap, Jalan Selayun BG1521, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 52 Tahun 2022 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 3.6%. Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar – 13 November 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
5 Disember 2024

Kes No.:
BCY / CP / 676 / 2010

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir

Nama Penghutang – MUSLIM BIN HAJI MOHD SALLEH (BYIC NO. 00-266877) **Alamat** – No.3, Jalan 11, Kg. Perpindahan Lambak Kanan, BC2915, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** – Kebankrapan Bil. 676 Tahun 2010 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 100 % Pertama atau terakhir selainnya – Terakhir Bila kena dibayar – 31 Oktober 2024 **Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
2 Disember 2024

NUUROR-RAHEEBAH
BINTI HAJI ABD WAHAB
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

PAMERAN VIBE SERLAHKAN HASIL KERJA KREATIF PELAJAR KOLEJ IGS



PEMANGKU Pengarah Muzium-Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengadakan lawatan pada Pameran VIBE Ke-17 (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa

RIMBA, Rabu, 22 Januari. - Seramai 45 pelajar tahun akhir Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (Kolej IGS) menganjurkan Pameran VIBE Ke-17 dengan kerjasama Thryffy bermula hari ini hingga Sabtu, 25 Januari 2025 bertempat di Rimba Point, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan majlis

pembukaannya ialah Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus.

Turut hadir pada majlis ini adalah wakil-wakil dari sektor kerajaan dan swasta yang terdiri daripada industri kreatif, industri media, industri keusahawanan dan industri teknologi maklumat.

Pameran VIBE Ke-17 diadakan



dua kali dalam setahun dan memberi tumpuan kepada Seni Kreatif, Reka Bentuk, Multimedia, dan juga Teknologi Maklumat.

Pameran ini dianjurkan oleh para pelajar tahun akhir Kolej IGS bagi mempamerkan hasil kerja kreatif dan profesional para pelajar Kolej IGS.

Selain memberikan peluang para pelajar menguruskan acara dengan kelebihan media digital, ia juga bertujuan untuk memperkembangkan pengalaman

pelajar, dan berkongsi pengetahuan dalam industri media serta mengendalikan pengurusan acara bersama rakan pelajar yang lain.

Penganjuran pameran ini dihasrat bagi menyediakan platform untuk kemahiran kreatif dan profesional dalam usaha menyediakan keperluan industri sambil mengambil kira potensi para pelajar yang turut serta ini.

Di samping itu, ia juga untuk mendedahkan program-program

yang ditawarkan di Kolej IGS yang bukan hanya tertumpu dalam bidang seni kreatif, media, dan teknologi malah bidang lain yang boleh diterima pakai untuk masa hadapan para pelajar.

Di sepanjang acara empat hari itu juga akan diselitkan dengan siri taklimat dan beberapa aktiviti menarik yang dirancang oleh para pelajar sendiri. Turut menyertai aktiviti ini ialah Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana yang mengadakan jualan makanan dan minuman, barang-barang aksesori buatan tangan dan banyak lagi dengan kerjasama jualan-jualan dari Thryffy.

Acara ini dibukakan bagi kunjungan orang ramai dari jam 11.00 pagi hingga 7.00 malam setiap hari kecuali Jumaat bermula jam 2.30 petang hingga 8.00 malam.

Kolej IGS berharap Pameran VIBE Ke-17 ini menjadi acara penting yang bukan sahaja mempamerkan bakat dan kreativiti pelajar tetapi juga mempertahankan pendidikan seni kreatif, media, teknologi dan keusahawanan di Negara Brunei Darussalam demi menyahut wawasan 2035 untuk menjadikan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Untuk mengetahui lebih lanjut ikuti laman media sosial Instagram @kigs.vibe dan @kigsbrunei.

Forum mempersiapkan diri menghadapi bulan Ramadan



SEKITAR sesi pertama Program 'Rehlah Ila Ramadhan (Road to Ramadhan)' diadakan di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan (atas dan bawah).



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Januari. - Menjelang bulan Ramadhan pelbagai aktiviti ilmiah akan dilaksanakan bagi menyebarkan ilmu pengetahuan sebagai persiapan menghadapi bulan Ramadhan kepada orang ramai.

Sehubungan itu Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid

As-Salaam, Kampung Junjongan dengan kerjasama Bahagian Imarah, Bahagian Hal Ehwal Muslimah dan Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara mengadakan satu program yang bernama 'Rehlah Ila Ramadhan (Road to Ramadhan)' dan akan diadakan sebanyak empat kali. Program tersebut diisikan

dengan acara forum dengan tajuk perbincangan berkaitan dengan Ramadhan dan kesihatan.

Antara tujuan program adalah untuk memeriahkan lagi bulan Ramadhan yang akan datang supaya umat Islam di Negara Brunei Darussalam mendapat ilmu tambahan sebagai panduan menjalankan ibadah puasa di bulan Ramadhan sekali gus sebagai satu cara bagi orang ramai umumnya untuk mengulang kaji ilmu kerana bulan Ramadhan hanya datang setahun sekali.

Berikutnya itu sesi pertama bagi program tersebut telah diadakan di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Ahli-ahli panel yang menjayakan forum terdiri daripada Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi dan Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Salihin bin Samra.

Manakala Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II (Perantis Skippa), Awangku Muhd. Ridhauddin bin Pengiran Mohd. Amin selaku moderator forum.

Semoga dengan adanya program seumpama ini, diharapkan ilmu-ilmu yang disampaikan pada forum tersebut akan dapat diamalkan dan disebarluaskan kepada masyarakat di negara ini sebagai persiapan menyambut bulan Ramadhan yang akan menjelang nanti.

Jerudong Park perkenalkan 2 permainan baharu

Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Country Club

JERUDONG, Khamis, 23 Januari. - Sebagai sebahagian daripada komitmennya untuk memberikan pengalaman hiburan yang menyeronokkan kepada semua pengunjung, Jerudong Park Country Club (JPCC) baru-baru ini melancarkan dua permainan baharu yang menarik 'Leap Frog Grove' dan 'Glacier Glide'.

Majlis pelancarannya dirasmikan oleh Pengurus Am JPCC, Dayang Hajah Siti Norzalena binti Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman.

'Leap Frog Grove', merupakan sebuah permainan *mini-drop* yang mendebaran, menjanjikan pengalaman yang mencabar dan menyeronokkan. Sementara 'Glacier Glide' juga menawarkan pengalaman seperti bermain luncur ais yang menyeronokkan.

Jerudong Park terus berusaha untuk menjadi destinasi mesra keluarga yang menawarkan pelbagai hiburan yang menarik di bawah sunyi bumbung.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah pengurus-pengurus JPCC dan kakitangan JPCC.

Orang ramai juga dijemput untuk menyertai acara ini dan mencuba permainan baharu tersebut.

Untuk makluman lebih lanjut dan perkembangan terkini, ikuti laman media sosial Instagram @jerudongpark dan Facebook Jerudong Park Playground.



PENGURUS Am Jerudong Park Country Club (JPCC), Dayang Hajah Siti Norzalena binti Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman semasa merasmikan dua permainan baharu yang menarik 'Leap Frog Grove' dan 'Glacier Glide'.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Januari. - Brunei Startup Summit (BSS) kini kembali dalam edisi kedua dengan menghimpunkan 400 pakar terkemuka daripada ekosistem keusahawanan tempatan dan serantau untuk bekerjasama dan berhubung melalui peluang perkembangan.

BSS yang diadakan selama dua hari bermula hari ini hingga esok mengambil tempat di Rizqun International Hotel menampilkan lebih 20 sesi yang dibahagikan kepada ucaptama dan Sesi Plenari serta bengkel secara serentak.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Daniel Leong dalam ucapannya menjelaskan, dengan tema 'Rise and Thrive : Building Scalable, Resilient Startups and Fostering

BSS KEPERLUAN EKOSISTEM KEUSAHAWANAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

'Collaboration', ia mencerminkan keperluan ekosistem keusahawanan yang semakin berkembang.

Menurutnya, ia juga sebagai dorongan bagi startup bukan sahaja dapat menyesuaikan diri dengan cabaran tetapi juga bangkit mengatasinya, mengembangkan operasi mereka dan mencipta impak yang bermakna di peringkat tempatan dan global.

Daniel Leong juga mengongsikan empat prinsip panduan yang membentuk pendekatan dan tujuan bagi acara berkenaan iaitu Empowering Startups; Fostering Resilience; Encouraging Collaboration; dan Igniting Innovation.

Dalam menghidupkan prinsip-prinsip itu tambahnya, edisi kali ini menawarkan tiga track fokus iaitu Scaling Strategies and Growth Hacking; Resilience in Challenging Markets dan The Power of Collaboration.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa BSS didorong oleh matlamat mereka dalam memupuk pertumbuhan, kolaborasi dan inovasi bagi ekosistem startup Brunei manakala misi mereka

adalah untuk menawarkan platform di mana usahawan boleh bertukar idea, mewujudkan hubungan dan mencipta pelan bersama untuk masa depan yang lebih cerah dan mampan.

"Langkah dalam membangunkan startup yang skala dan tangguh bukanlah tanpa adanya cabaran. Namun, cabaran-cabaran ini memberikan peluang untuk daya cipta, tekad dan usaha bersama.

"Perjalanan ini adalah penting untuk memajukan visi Wawasan Brunei 2035 - sebuah visi yang bertujuan untuk mewujudkan ekonomi yang dinamik dan mampan, disokong oleh masyarakat yang berkemahiran tinggi dan meningkatkan kualiti hidup untuk semua," ujarnya.

Acara berkenaan juga diisikan dengan pameran dan pitching showcases bagi mengetengahkan startup yang berpotensi dari Brunei kepada peserta serantau, termasuk pembangun perusahaan dan pelabur.

Topik bengkel juga merangkumi AI generatif, coding, keselamatan siber dan harta intelek termasuk penglibatan Techsauce Media,



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Daniel Leong semasa berucap (atas kiri), sementara gambar atas, sebahagian yang hadir pada Brunei Startup Summit (BSS).

platform media teknologi dan keusahawanan terkemuka di Asia Tenggara dalam meningkatkan BSS sebagai platform yang menarik sekali guna menampilkan pendapat-pendapat pakar terkemuka di rantau ini.

BSS 2025 disokong oleh penaja-penaja iaitu Brunei Innovation Lab (Platinum), BIBD

(Gold), Progresif (Gold), Baiduri Bank (Silver), DST (Bronze) dan Royal Brunei Airlines (Airline Partner) bersama rakan ekosistem Antler, AWS, ERIA dan Niaga Compliance. Untuk maklumat lanjut mengenai BSS, sila layari dare.gov.bn/brunei-startup-summit atau e-mel bruneistartupsummit@bedb.gov.bn.

Wujudkan kesatuan keluarga, dirikan sembahyang secara berjemaah



SEKITAR Program Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Melalui Bimbingan Imam dan Maknum dalam Keluarga (atas dan atas kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Januari. - Sembahyang berjemaah bermaksud sembahyang yang didirikan lebih daripada seorang atau secara beramai-ramai dengan diketuai oleh seorang imam.

Ia merupakan sesuatu yang dituntut di dalam Islam sebagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga mengajar kita bahawa sembahyang berjemaah itu boleh kita lakukan di rumah bersama orang-orang yang kita sayangi untuk meraih ganjaran pahala lebih.

Sehubungan itu, Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid,

masjid dengan majlis-majlis ilmu yang berkebajikan.

Sehubungan itu, program tersebut diteruskan lagi dengan sesi kedua dengan tajuk 'Solat dan seterusnya Solat Berjemaah'. Hadir menyertai program tersebut adalah daripada kalangan pegawai dan kakitangan dari JHEM, Muslimah Jame' Asr Hassanal Bolkiah serta pegawai dan kakitangan jemputan daripada sektor swasta.

Tujuan program tersebut adalah untuk diadakan adalah untuk mewujudkan perpaduan dan kesatuan keluarga dengan mendirikan sembahyang secara berjemaah.

Di samping menerapkan kehidupan bermasyarakat iaitu maknum mempunyai kewajipan untuk mentaati imam sebagai pemimpin, program ini juga dihasratkan untuk mengimarahkan



Haji Mat Jali dan Dayang Nurul Janah binti Shahbudin; Tenaga-tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

Semoga dengan adanya

program ini akan dapat merealisasikan hasrat pelbagai pihak dalam menghidupkan sembahyang berjemaah ke arah pembinaan 'Keluargaku Harapanku'.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

PenggunaBijak

App Store Google Play

Perbadanan Persekitaran dan Alam Sekitar
جامعة فلسطين المفتوحة
FAKULTAT PERKANTORAN DAN STATISTIK
DEPARTEMEN BILANSING DAN PENGETAHUAN DAN EKONOMI
KEMENTERIAN KERJAWAN DAN EKONOMI

29 PESERTA TIMBA PELBAGAI ILMU MENERUSI PMB



PARA peserta program disertai oleh 29 peserta terdiri daripada Ahli-ahli Sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Belia Masjid Surau Institut Pendidikan Teknikal Brunei Kampus Sultan Saiful Rijal (kiri). Manakala gambar atas, Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin semasa menyampaikan ucapan alu-aluananya.

agensi-agensi berkenaan secara Whole of Nation dalam mencapai aspirasi negara.

Selaras dengan tujuan program iaitu untuk menyuntik semangat dan menginspirasi anggota masyarakat dalam usaha-usaha meningkatkan pengetahuan serta pendedahan kepada aktiviti-aktiviti peningkatan kapasiti dan pengetahuan, program ini telah disusun atur dengan beberapa sesi taklimat dan lawatan ke agensi-agensi kerajaan yang terpilih.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Rabu, 22 Januari. - Jabatan Penerangan menerusi Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik mengadakan Majlis Pembukaan bagi Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang akan berlangsung selama dua hari bermula hari ini, bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Program disertai oleh seramai

29 peserta terdiri daripada Ahli-ahli Sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Belia Masjid Surau Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Sultan Saiful Rijal.

Hadir ialah Pemangku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman.

Turut hadir, Penolong Pengarah Urusan Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Iswandy bin Ahmad.

Program disertai oleh seramai

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat yang dikepalai oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Dalam ucapannya, Pengiran Haji Ahmad Fadillah antara lain menyentuh bahawa PMB merupakan satu inisiatif jabatan bagi memberikan peluang kepada

masyarakat untuk menimba ilmu pengetahuan dengan lebih lanjut, mengikut keperluan semasa dan isu yang relevan dengan keperluan pembangunan negara pada masa ini dan yang akan datang.

Jelas beliau lagi, PMB kali ini, memfokuskan kepada dua aspek utama iaitu usaha bagi menjamin kehidupan sosial yang lebih baik dan ekonomi yang mapan, selaras dengan Wawasan Brunei 2035 selain kepentingan bagi mencari peluang yang ada untuk sama-sama berganding bahu bersama

Menggalakkan penyertaan aktif sekolah dalam Program STEAM



SESI perkongsian disertakan dengan penyampaian sijil kepada para penerima STEM Active School 2024 (atas), manakala gambar kanan, sekitar sesi pembarigaan Program-program Pusat STEP 2025.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

SENGKURONG, Khamis, 23 Januari. - Seramai 52 orang pemimpin sekolah serta wakil daripada sekolah rendah, menengah, maktab dan Pusat Tingkatan Enam (PTE) dari Kluster 2 di bawah Kementerian Pendidikan menghadiri sesi pembarigaan Program-program Pusat STEP 2025 yang dikendalikan oleh Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP), Kementerian Pendidikan, bertempat di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

Sesi dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pusat

STEP, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim, yang menjelaskan mengenai Science, Technology, Engineering, Arts and Mathematics (STEAM) sebagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sesi diteruskan dengan perkongsian mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat STEP, termasuk program STEAM dan Inisiatif Hijau, serta hubung kaitnya dengan program-program yang ditawarkan di peringkat kebangsaan, serantau, dan antarabangsa.

Sesi tersebut juga diisikan

dengan pengumuman dan penyampaian sijil kepada para penerima STEAM Active School 2024 yang telah disempurnakan oleh Ketua Pusat STEP.

Pengiktirafan ini diberikan kepada sekolah-sekolah yang aktif menyertai program-program anjuran Pusat STEP pada tahun 2023 dan 2024.

Penerima STEAM Active School 2024 bagi Kluster 2 dalam Kategori Sekolah Rendah ialah Sekolah Rendah Mabohai, manakala bagi Kategori Sekolah Menengah dan PTE ialah Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Para pemimpin sekolah turut diberikan peluang untuk bersempua dan berbincang

dengan pegawai fokal bagi program-program yang disediakan Pusat STEP.

Perbincangan ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai kandungan dan kepentingan Program-program STEAM serta Inisiatif hijau yang telah dibarangkan.

Melalui sesi ini, diharapkan para pemimpin sekolah dapat memahami dengan lebih jelas tahap pelaksanaan program STEAM dan Inisiatif Hijau di sekolah masing-masing.

Pembarigaan Program-program Pusat STEP 2025 ini juga bertujuan untuk membina kepercayaan serta memperkuuh hubungan

kerjasama antara Pusat STEP dan para pemimpin sekolah.

Inisiatif ini juga dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran, memperluas penyertaan, dan menggalakkan penglibatan aktif sekolah dalam perkhidmatan serta program-program yang disediakan Pusat STEP, bagi memastikan pelaksanaannya di peringkat sekolah berjalan dengan mantap dan berkesan dalam jangka masa panjang.

Sesi ini turut disampaikan kepada pemimpin-pemimpin sekolah serta wakil dari semua kluster di bawah Kementerian Pendidikan, dan akan dilaksanakan mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.



Jawatan Terakhirmu

Oleh : Dian Bunga
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif,
Bahagian Pelita Brunei

SETELAH Solat Subuh, Hisyam membuat sarapan buat dirinya dan ibunya. Rumah itu begitu suram dan sunyi setelah ketiadaan ayahnya. Adiknya, Dini pun sudah berpindah ke Kuala Belait kerana mendapat pekerjaan di sana. Syarikat memberikan rumah untuk didiami dan gaji yang diberikan juga sangat lumayan. Hisyam mengeluh. Kakaknya, Hanisah pula bekerja sebagai doktor di United Kingdom dan jarang-jarang pulang setelah berkahwin dengan keturunan mat saleh, Joshua yang mana namanya sudah berubah kepada Idris setelah memeluk Islam.

"Bilalah aku akan diberikan pekerjaan?" keluh Hisyam sendiri.

Tiba-tiba ibunya keluar dari bilik tidurnya. Hisyam mempelawa ibunya untuk bersarapan bersamanya. Ibu hanya duduk dan menjamah dengan wajah sugul.

"Bila agaknya kau akan mula bekerja, Hisyam?" tanya ibunya.

"Belum rezeki, ibu. Hisyam tengah tunggu lah ni. Doakan Hisyam, ibu," jawab Hisyam.

"Kan ibu dah cakap Hisyam, belajar rajin-rajin. Cuba lihat Dini dan Hanisah. Mereka mempunyai pekerjaan yang stabil, gaji besar, ada rumah ada kereta. Dapat bagi ibu duit tiap bulan".

Hisyam menggeleng-gelengkan kepala. Ada sebab mengapa Hisyam tidak mahu meninggalkan ibunya dan mengambil pekerjaan sewenang-wenangnya. Ibunya bukannya selalu sihat. Adik-beradiknya pula jarang sekali melawat ibunya.

"Baiklah ibu". Jawab Hisyam pendek kerana malas bertelagah dengan ibunya.

Hisyam langkah masuk ke biliknya dan membuka komputer usangnya. Sudah lima tahun Hisyam hanya bekerja dari rumah, mengambil pekerjaan yang boleh dibuatnya dari rumah sambil memantau kesihatan ibunya. Bukan Hisyam memilih pekerjaan, tetapi jam pekerjaan yang ketat di kebanyakan syarikat swasta yang menawarkan pekerjaan kepada dirinya juga memberatkan hatinya dari bekerja luar dan pernah dia bekerja di syarikat swasta tetapi pekerjaan yang diberikan tidak bertepatan dengan apa yang dipersetujui ketika temu duga. Belum lagi memikirkan gaji yang cukup kecil yang tidak seimbang dengan sibuknya

jawatan yang diberikan.

Akhirnya, Hisyam pun memutuskan untuk bekerja dari rumah sebagai pereka grafik walaupun gajinya tidaklah sebesar adik beradiknya yang lain. Hisyam tetap bersyukur kerana dari gajinya itulah Hisyam dapat membeli barang-barang makan di rumah dan membayar bil elektrik dan air. Mungkin pengorbanannya itu tidak cukup dapat membanggakan ibunya. Hisyam hanyalah graduan dari Universiti tempatan manakala adik-beradiknya adalah graduan dari universiti luar negara.

Hisyam lahir bukan seperti kakak dan adiknya yang memang pintar tetapi Hisyam seorang yang bekerja keras. Setiap hari Hisyam akan memohon pekerjaan di sektor kerajaan dan sektor swasta, akan tetapi Hisyam selalu ditolak kerana kekurangan pengalaman bekerja dan mungkin betul ada kewujudan *beauty privilege* dalam sesuatu bidang. Hisyam bukanlah segak seperti Dini dan berterampilan menarik kerana Hisyam memang lebih suka berpakaian sederhana.

Keesokannya, Hisyam pergi ke Kuala Belait untuk carnival pekerjaan. Setiap tahun, carnival pekerjaan akan diadakan dan dibukakan untuk orang ramai.

Tiba-tiba, "ting!" sebuah e-mel masuk ke komputernya. Hisyam membuka e-mel tersebut dan senyumannya lebar terhias dibibirnya.

"Alhamdulillah".

Hisyam ditawarkan menjadi seorang pembantu penyelidik di universiti tempatan. Hisyam meluru ke ibunya dan menyampaikan berita gembira itu.

Ibunya terkesima. "Berapa gaji jawatan itu?" tanya ibunya.

"Mungkin lima ratus, ibu". Ibunya tidak berpuas hati dan nampak masih memandang rendah kepada Hisyam.

"Apa yang dapat kau beri kepadaku dengan gaji sedemikian rupa Hisyam?" Hisyam tersentak dah perlahan-lahan terduduk di hadapan ibunya.

"Ibu, selama ini, Hisyam telah cuba sedaya upaya Hisyam dalam mencari pekerjaan. Mengapakah ibu selalu melihat kekurangan Hisyam ibu? Tidak dapatkah ibu mengasihani Hisyam sebagaimana kasih ibu kepada adik beradik yang lain ibu? Bukankah Hisyam yang selalu ada menemanibuku ketika ibu sakit?" Hisyam berkata dalam hiba dan mulai teresak-esak.

Ibunya memandang ke arah lain.

"Sebenarnya kau bukan anak ibu. Tidak patut ibu kutip kau dulu. Tau menyusahkan ibu saja," jerkah ibunya.

Hancur ranap hati Hisyam mengetahui fakta itu. Air mata laju bergenang ke pipinya dan Hisyam perlahan-lahan berdiri.

"Kalau benar ibu rasa Hisyam menyusahkan ibu, Hisyam minta maaf ibu. Terima kasih menerima Hisyam sebagai anak ibu. Halalkan makan minum Hisyam dari kecil hingga dewasa ibu. Hisyam sayang ibu," Hisyam melafazkan segala yang terbuku di hatinya.

Hisyam melangkah masuk ke biliknya dan terduduk. Kata-kata ibu sebentar tadi bagaikan satu tamparan yang hebat di pipinya. Tapi hatinya masih bersyukur tapi berteke-teki mengapakah dirinya dibuang sedemikian rupa.

Pada keesokan harinya, Hisyam bangun macam biasa dan mengenakan kemejanya. Dia keluar dari bilik dan nampak ibunya sedang duduk di sofa ruang tamu. Hisyam mengucup tangan ibunya meminta restu. Ibunya menarik tangannya pantas.

Hisyam dengan langkah berat meninggalkan ibunya. Sedih. Hiba. Hisyam menggunakan motosikal ayahnya yang sudah lama untuk pergi ke pejabat. Jalan sedikit licin dek hujan dari semalam. Perjalanan ke pejabat mengambil masa panjang. Pelbagai benda bermain di minda Hisyam.

Tiba-tiba, kedengaran bunyi hon yang panjang. Motosikal Hisyam hilang kawalan. Sebuah kenderaan berat telah melanggar motosikal Hisyam dan Hisyam terpelanting ke atas jalan raya. Hisyam berasa lemah tiba-tiba dan pandangannya kabur dan gelap.

"Kring-kring!" bunyi telefon rumah berbunyi. Mak Leha pergi mengangkat telefon dengan wajah ceria menyangka itu adalah panggilan dari Dini ataupun Hanisah.

"Hello assalamualaikum makcik, makcik ibu kepada Hisyam?"

"Iya. Tapi anak aku tu aku tak guna, dia pergi tadi pagi ke pejabat. Gaji tak semegah mana pun". Hina Mak Leha.

Mungkin masih berbekas amarahnya kepada Hisyam.

"Astaghfirullah makcik, dengar dulu. Kami dari pihak hospital, anak makcik sekarang berada di ICU. Encik Hisyam terlibat dalam kemalangan".

Mendengar berita itu, Mak Leha terkejut dan terduduk lalu menangis teresak-esak.

Mak Leha bergegas ke hospital ditemani oleh Pak Jamal dan Mak Senah, jiran sebelah rumah. Terkejut Mak Leha melihat sekujur badan di katil hospital berbalut rapi.

"Hisyam, maafkan ibu Hisyam.. Ibu salah nak..".

"Hisyam yang salah ibu, Hisyam yang tidak cukup bagus untuk jadi anak ibu.." Hisyam mencuba untuk berkomunikasi dengan ibunya walaupun dirinya cukup sakit.

"Tidak nak, ibu yang salah.. Hisyam dah jaga ibu sebaiknya nak.. jangan tinggalkan ibu nak.." lirih ibunya.

"Hisyam minta maaf ibu, halalkan makan minum Hisyam bu.." jawab Hisyam.

Tiba-tiba, mesin di bilik itu berbunyi dan Hisyam mengalami serangan jantung. Doktor dan jururawat meluruh masuk dan mencuba membuat prosedur rawatan tapi gagal. Hisyam telah menghembuskan nafas terakhirnya, di hari pertama dia bekerja.

Genap tujuh hari Hisyam meninggalkan ibunya. Dini dan Hanisah telah pulang ke kampung bagi tujuan permakaman dan tahlil. Ibunya masuk ke dalam bilik Hisyam. Terlihat satu buku diari di atas meja Hisyam. Terlihat ukiran dan kerja-kerja Hisyam dilakarkan di dalam buku itu. Tiba-tiba, matanya tertancap pada satu muka surat.

"Ibu, jika Hisyam tiada, ibu jagalah diri ibu. Hisyam ada hadiahkan hibah untuk ibu, walaupun tidak seberapa.. Hisyam ikhlas ibu. Hari ini adalah hari pertama Hisyam bekerja ibu.. maafkan Hisyam kerana ibu tidak gembira dengan jawatan Hisyam ibu. Hisyam harap, suatu hari nanti, Hisyam dapat membanggakan ibu dan membahagiakan ibu selalu. Hisyam sayang ibu".

Buku diari itu Mak Leha rangkul sekutunya dan menangis. Anak yang selalu dihinanya rupanya anak yang menyayangi dirinya. Jarang mengeluh, jauh sekali mencerca. Bukan macam anak-anak kandungnya, yang sekarang berkelahi kerana tidak mahu menjaga dirinya.

Pada masa itu barulah Mak Leha sedar, itulah jawatan terakhir bagi Hisyam. Jawatan sebagai anaknya yang soleh. Jawatan yang sepatutnya menjadi jawatan pertama Hisyam, menjadi jawatan terakhir, bagi memenuhi permintaan ibunya yang tidak tahu bersyukur dan menghargai.



Sembahyang Mencerdaskan Minda

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

KITA kini berada di bulan Rejab, bulan dalam Kalendar Islam di mana berlakunya peristiwa penting dalam sejarah umat Islam. Selain merupakan ujian dan mukjizat yang membuktikan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala, semasa peristiwa Israk Mikraj ini juga Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mendapatkan perintah dari Allah Subhanahu Wata'ala untuk melaksanakan sembahyang fardhu lima waktu sehari semalam yang dilaksanakan umat Islam hingga hari ini.

Memetik Menuju Keredaan Allah yang diterbitkan dalam akhbar rasmi Pelita Brunei keluaran 22 Januari 2025 menjelaskan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman tentang peristiwa Mikraj iaitu ketika Baginda naik ke langit, dalam Surah an-Najm, ayat 13 - 18 tafsirnya :

"Dan demi sesungguhnya dia telah melihat Jibril (dengan rupanya yang asal) sekali lagi. (laitu) di Sidratulmuntaha. Di sisi Sidratulmuntaha itu ada Jannatulma'wa (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melihat Jibril) ketika Sidratulmuntaha itu ditutupi oleh sesuatu yang menutupinya. Penglihatannya itu tidak menyimpang (daripada apa yang dilihatnya) dan tidak pula melampaui batas. Demi sesungguhnya dia telah melihat sebahagian tanda kekuasaan Tuhan yang sangat besar".

Berdasarkan ayat di atas jelas menunjukkan bahawa peristiwa Israk dan

Mikraj benar-benar dilalui oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasad Baginda, dalam keadaan sedar dan bukan hanya igauan mimpi semata-mata. Justeru, kita wajib meyakini dengan sepenuh hati bahawa Israk dan Mikraj adalah benar-benar berlaku kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dengan kuasa dan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala bagi memperlihatkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam perkara-perkara yang mengandungi pengajaran dan yang utama sekali ialah mengenai memfardukan ibadat sembahyang lima waktu yang kita tunaikan semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala juga.

Dalam konteks pemerintahan di negara ini pula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sering mengingatkan para penduduknya agar memelihara sembahyang yang merupakan tiang agama. Baginda sering kali berangkat menuaikan solat berjemaah bersama rakyat jelata di masjid-masjid terpilih di negara ini. Secara tidak langsung ini mencerminkan keperibadian baginda yang menitikberatkan ibadat sembahyang dalam kehidupan seharian baginda. Baginda juga tidak jemu-jemu bertitah mengingatkan rakyat jelata agar tidak mengabaikan ajaran agama Islam termasuklah menuaikan sembahyang lima waktu.

Sambutan

Seperti mana tahun-tahun sebelumnya, Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berfalsafahan Melayu Islam Beraja, akan mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara. Bagi Tahun 1446 Hijrah ini, sambutan akan diadakan pada hari Isnin, 27 Rejab 1446H bersamaan 27 Januari 2025M di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dengan tema 'Sembahyang Mencerdaskan Minda'.

Huraian tema

Kita semua memang sudah mengetahui bahawa sembahyang adalah salah satu Rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim. Sembahyang bukan sahaja bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, tetapi ia juga memberi banyak manfaat besar dari segi rohani dan fizikal, malahan dari segi mental sembahyang memberi kesan dalam mencerdaskan minda.

Melaksanakan sembahyang fardu lima kali dalam sehari dengan tertib dan sempurna merupakan anugerah istimewa yang dapat membantu membina disiplin dalam kehidupan dan meningkatkan kecerdasan minda. Sembahyang juga mendidik seseorang untuk berehat daripada urusan dunia dengan

memberi tumpuan kepada tujuan yang lebih besar iaitu mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan suruhan-Nya dan mengatur masa yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan dengan bijak.

Bahkan sembahyang juga mendidik kita untuk menjadi lebih sabar dan tenang. Dalam setiap rukun sembahyang terdapat pergerakan fizikal penuh dengan rahsia dan makna. Apabila seseorang melaksanakan sembahyang dengan khusyuk ia dapat mengurangkan stres dan kegelisahan. Keadaan ini memberi kesan positif terhadap kecerdasan minda kerana ia mengajar teknik pengurusan emosi dan ketenangan mental.

Sembahyang mempunyai rukun-rukun yang wajib dilaksanakan dengan sempurna semasa sembahyang. Rukun-rukun sembahyang yang dilaksanakan dalam setiap sembahyang dapat dikaitkan dengan kecerdasan, baik dalam aspek mental, kognitif, fizikal serta emosi. Setiap rukun yang dilakukan bukan sahaja memperkuatkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala tetapi juga dapat meningkatkan kecerdasan individu secara keseluruhan.

Bersempena Sambutan Israk Mikraj tahun ini, marilah kita mananam azam untuk menjaga dan memelihara sembahyang serta meningkatkan kualitiya demi mendapatkan kecerdasan minda dan kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat.



KECEKALAN, MOTIVASI, DISIPLIN BAWA KEJAYAAN PEGAWAI KADET

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



LEFTENAN Dayangku Nur Muta'wakkilah binti Pengiran Haji Mohd. Ali, penerima Anugerah Terbaik Akademik semasa bergambar bersama keluarga.

TANAH JAMBU, Khamis, 23 Januari. - Para penerima anugerah pada Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Ke-23 mengucapkan syukur dengan anugerah yang diterima kerana penat-lelah dan usaha yang dilakukan mereka mendapat pengiktirafan.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Leftenan Nor Azwar Zuwairey bin Haji Norshamli penerima Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Sains Kimia, Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengongsikan cabaran utama yang dihadapi selama menjalani latihan dan cara mengatasinya.

Menurutnya, cabaran pertama sepanjang latihan di Sekolah Pegawai Kadet adalah menyesuaikan diri dan mengadaptasi diri terhadap latihan dan cabaran kepimpinan seperti cabaran komander dan latihan operasi hutan.

"Saya ditempatkan di Batalion Lumut. Cara mengatasi cabaran tersebut ialah menyiapkan diri saya dengan mental dan fizikal serta mempertingkatkan ilmu dalam ilmu-ilmu medan perang," katanya.

Menyentuh



LEFTENAN Muhd. Nizam Saaduddin bin Mohd. Yusof, Tentera Laut Diraja Brunei, penerima Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera.



LEFTENAN Nor Azwar Zuwairey bin Haji Norshamli, penerima Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) dan Leftenan (U) Muhd. Irfan Affandy bin Muhd. Eddy Rizwan Affandy, penerima Anugerah Terbaik Ketahanan Jasmani semasa bergambar bersama keluarga masing-masing (kanan dan atas).

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), iaitu setia, takwa, berani dan profesional.

"Saya berasa amat bersyukur dan merafakkan ucapan menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja yang lain ke Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Ke-23 kerana baginda sanggup turun padang dan berkenan berangkat walaupun dalam keadaan cuaca terik.

"Syukur Alhamdulillah kerana tanpa ibu bapa tidak adalah saya dalam bidang tentera ini dan saya berasa bersyukur kerana mereka jua saya dapat meneruskan latihan di Sekolah Pegawai Kadet dan juga mendapatkan 'Sword of Honour', anugerah keseluruhan. Alhamdulillah, tanpa doa mereka tidak mungkin saya akan mencapai kejayaan ini."

"Kepada pelatih, tanpa titik peluh dan usaha mereka, maka tidak ada ilmu-ilmu yang diberikan, itu semuanya datang daripada para pelatih dan jurulatih serta pegawai-pegawai, kerana mereka sanggup bertungkus-lumus tidak mengira masa untuk mengajar kami."

"Kepada rakan-rakan seperjuangan diucapkan untuk meneruskan perjuangan dan mempertingkatkan jiwa kepimpinan sebagai seorang pegawai dan jangan lupa nilai-nilai teras ABDB," ujarnya lagi.

Selepas ditauliahkan, Leftenan Nor Azwar Zuwairey dilantik sebagai Ketua Platon, Platon 1, Kompeni A, Batalion Ketiga, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Sementara itu, bagi Leftenan Muhd. Nizam Saaduddin bin Mohd. Yusof, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Petroleum dari Universiti New South Wales, Australia, merupakan penerima Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera.

Beliau memilih menceburii bidang ketenteraan sebagai kerja adalah kerana mendapat inspirasi daripada seorang Pegawai Laut sewaktu belajar di Australia.

Menyentuh mengenai latihan tentera berkenaan katanya, ia

mampu merubah keperibadian seseorang daripada seorang awam menjadi seorang tentera. Beliau menjelaskan, daripada program harian yang mereka ikuti berkenaan telah mengajarnya dari segi pengurusan masa dan juga disiplin.

Tambahnya, pada awal memang ia amat sukar untuk mengubah cara hidup seorang awam tetapi setelah menjadi seorang tentera ia dapat dicapai.

Beliau juga mengongsikan latihan yang dijalankan setentunya menguji ketahanan mental dan fizikal selain terus cekal menghadapi cabaran-cabaran berkenaan. Rutin harian daripada program latihan berkenaan walaupun sukar tetapi ia dapat memotivasi diri selain menguatkan semangat untuk menamatkan latihan dengan kerjasama daripada rakan-rakan.

Dalam kesempatan ini, Leftenan Muhd. Nizam Saaduddin merafakkan ucapan menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Ke-23.

Beliau turut merakamkan ucapan penghargaan kepada kedua-dua orang tuanya yang selama ini membesarakan beliau untuk menjadi anak yang soleh dan berjaya pada masa ini.

Selepas ditauliahkan, Leftenan Muhd. Nizam Saaduddin dilantik sebagai Pegawai Dalam Latihan Kapal Diraja Brunei DARUTTAQWA.

Manakala Leftenan Dayangku Nur Muta'wakkilah binti Pengiran Haji Mohd. Ali, penerima Anugerah Terbaik Akademik, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dalam Ekonomi, dari UBD menjelaskan minat menceburii dalam bidang ketenteraan adalah disebabkan ia memberi banyak pelajaran dan peluang untuk belajar dalam perkara baharu.

Apabila ditanya mengenai semasa menjalani latihan dan bagaimana ia dapat mengubah keperibadian, beliau menjelaskan, latihan berkenaan memerlukan kita melampaui had dan ia memerlukan untuk kita tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa memikirkan orang lain.

"Jadi saya fikir itu benar-benar mengubah keperibadian saya terhadap cara saya berkomunikasi

dengan seseorang dan bagaimana saya memimpin seseorang kerana semasa latihan saya juga dilantik sebagai Komander Platon dan penting bagi saya untuk menjaga kesejahteraan orang bawahan saya dan juga diri saya," katanya lagi.

Dalam kesempatan ini, beliau ingin mengucapkan penghargaan kepada kedua-dua ibu bapa kerana memberi peluang kepada mereka untuk menceburii bidang ketenteraan.

"Alhamdulillah, saya berada di tempat saya pada masa sekarang adalah disebabkan oleh doa-doa mereka dan semua usaha saya adalah untuk mereka," ujarnya.

Leftenan Dayangku Nur Muta'wakkilah selepas ditauliah dilantik sebagai Penolong Pegawai Turus Keanggotaan Cawangan Lain-lain Peringkat G1, Markas Tentera Darat Diraja Brunei.

Sementara itu, penerima Anugerah Terbaik Ketahanan Jasmani, Leftenan (U) Muhd. Irfan Affandy bin Muhd. Eddy Rizwan Affandy, berkelulusan Level 5 Diploma dalam Media Digital, Politeknik Brunei pula, menjelaskan antara cabaran yang dihadapi ialah dalam hal penyesuaian diri kepada program-program latihan yang diberikan oleh Sekolah Pegawai Kadet.

Untuk mengatasi cabaran berkenaan katanya, beliau membiasakan diri untuk melalui latihan yang diberikan dengan bekerjasama bersama rakan-rakan seperjuangan yang lain.

Selain itu tambahnya, pendorong utama yang memberi motivasi dan sokongan untuk beliau menceburii bidang ketenteraan adalah keluarganya.

Beliau seterusnya menasihatkan kepada belia yang bermotivasi untuk menceburii bidang ketenteraan supaya mempunyai niat yang betul dan minat dalam bidang ketenteraan.

Dalam kesempatan itu, Leftenan (U) Muhd. Irfan Affandy juga merafakkan ucapan menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah DYMM ke Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Ke-23 dan seterusnya menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ibu bapanya yang sentiasa mendoakan beliau sepanjang menjalani latihan dan juga kepada rakan-rakan seperjuangan serta pegawai-pegawai yang melatihnya kerana sentiasa memberi pertolongan dan dorongan.

Selepas ditauliahkan, Leftenan (U) Muhd. Irfan Affandy dilantik sebagai Pegawai Dalam Latihan Skuadron 73, Cawangan No.7 Kumpulan Latihan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).



MELENGKAPKAN PEMANDU PELANCONG DENGAN KEMAHIRAN BERCRITERIA

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan



BENGKEL Bercerita anjuran Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bertujuan untuk melengkапkan Pemandu Pelancong dengan kemahiran dan teknik penting yang diperlukan untuk menghasilkan cerita-cerita yang menarik yang memberi inspirasi dan melibatkan pelancong (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Januari. - Seramai 12 Pemandu Pelancong berlesen menyertai Bengkel Bercerita anjuran Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) diadakan selama tiga hari bermula 20 hingga 22 Januari 2025 di KSSUP, Berakas.

Program latihan ini bertujuan untuk melengkapan Pemandu Pelancong dengan kemahiran dan teknik penting yang diperlukan untuk menghasilkan cerita-cerita yang menarik yang memberi inspirasi dan melibatkan

pelancong.

Dengan permintaan yang semakin meningkat untuk pengalaman pengembalaan yang lebih menarik, peranan pemandu pelancong perlu melangkui penyediaan maklumat fakta. Pelancong mencari pengalaman pengembalaan yang menyeronokkan dan bukan hanya membacakan fakta sejarah atau perihal mercu tanda semata-mata. Keupayaan untuk menceritakan kisah yang menarik menjadi ciri yang menentukan pemandu pelancong yang berkemahiran.

Bengkel bercerita menawarkan



peluang kepada pemandu pelancong memperhalusi kebolehan mereka dan memanfaatkan kuasa penceritaan dalam kerja mereka.

Bengkel ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi pemandu pelancong yang membolehkan mereka menyampaikan cerita dan maklumat dengan berkesan kepada pelancong, melengkapkan mereka dengan keupayaan untuk memberikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada pelancong melalui bercerita.

Penceritaan yang berkesan juga boleh membangkitkan emosi dan mewujudkan hubungan yang lebih kuat antara pemandu pelancong dan pelancong dan seterusnya

memberi kepuasan kepada pelancong serta pengalaman yang menyeronokkan.

Latihan tersebut diketuai oleh Jimmy Leong We Kong, seorang Jurulatih Induk Program Latihan Konsep Bercerita yang dilantik oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Budaya, Malaysia.

Bengkel tersebut meneroka seni dan sains penceritaan, menekankan kuasanya dalam membimbing dengan tumpuan untuk mencipta cerita-cerita menarik yang menghubungkan pemandu pelancong dengan pelancong, membina kepercayaan, dan menyampaikan nilai warisan secara berkesan melalui sesi interaktif dan aktiviti praktikal. Ia juga menyediakan sesi interaktif,

aktiviti kumpulan dan latihan di lapangan.

Sijil - sijil kepada para peserta yang mengikuti bengkel disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Nur Fariza Munyati binti Haji Abd. Ajie.

Jabatan Kemajuan Pelancongan telah melaksanakan bengkel seumpamanya sejak 2024 dan merancang untuk meneruskannya pada tahun-tahun akan datang bagi meningkatkan lagi kemahiran penyampaian maklumat dan teknik bercerita para pemandu pelancong.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Jabatan Kemajuan Pelancongan menerusi talian +673 2382822.

Semai rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa



PROGRAM Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang berlangsung di Chung Hua Middle School, Kuala Belait (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, selaku Ketua Unit Kenegaraan di Jabatan Penerangan, sementara gambar bawah kanan, antara pelajar yang menyertai Kuiz Kenegaraan.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki

BELAIT, Khamis, 23 Januari. – Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' dengan berkunjung ke Chung Hua Middle School, Kuala Belait.

Seramai 79 penuntut Tahun 7 menghadiri taklimat yang diadakan di Dewan Auditorium sekolah berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Pengetua sekolah berkenaan, Dayang Valarie Kong Yun dan para tenaga pengajar.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, selaku Ketua Unit Kenegaraan di Jabatan Penerangan, yang antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' dan berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Selain itu, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



CURI KABEL : 4 SUSPEK DITAHAN

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



KUALA BELAIT, Rabu, 22 Januari. - Empat orang suspek telah berjaya ditahan oleh anggota Balai Polis Kuala Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dipercayai terlibat dalam kegiatan mencuri kabel milik Unified National Networks (UNN) di kawasan Kampung Sungai Duhon, Kuala Belait pada 13 Januari 2025.

Tindakan pantas pihak Balai

Polis Kuala Belait yang menjalankan siasatan segera di tempat kejadian serta rondaan berterusan telah membawa hasil. Anggota dari Ibu Pejabat Daerah Polis Kuala Belait menemui aktiviti mencurigakan di kawasan hutan berhampiran Pantai Kuala Belait.

Hasil pemeriksaan mendapati empat orang suspek dalam keadaan mencurigakan di mana

tiga daripada mereka didapati sedang membakar kabel yang disyaki dicuri.

Kesemua suspek, terdiri daripada lelaki tempatan berusia antara 21 hingga 30 tahun telah ditahan. Para suspek kini ditahan reman untuk siasatan lanjut dan akan dihadapkan ke mahkamah untuk pendakwaan.

Pegawai Jenayah Daerah Polis Kuala Belait, DSP Dennie Adli bin Haji Sulaiman berkata bahawa kebelakangan ini, laporan kes kecurian kabel semakin meningkat di balai-balai polis di Daerah Kuala Belait dan usaha - usaha pencegahan giat dijalankan.

PPDB menggesa orang ramai untuk berwaspada dan melaporkan sebarang kegiatan mencurigakan bagi membendung dan mencegah jenayah ini daripada berleluasa.

Pemilik kedai besi buruk juga diingatkan bahawa menerima barang curi adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 411, Kanun Keseksaan, yang boleh membawa hukuman penjarा selama tiga tahun, denda atau kedua-duanya sekali.



EMPAT orang suspek ditahan oleh anggota Balai Polis Kuala Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei dipercayai terlibat dalam kegiatan mencuri kabel milik Unified National Networks (atas), manakala gambar kiri, kabel yang disyaki dicuri.

Pelajar JIS teroka pelbagai peluang di peringkat pengajian tinggi

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

JERUDONG, Khamis, 23 Januari. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) baru-baru ini menganjurkan Malam Pengajian Tinggi Tahun 12 yang diadakan di Arts Centre, JIS.

Acara tahunan ini merupakan bahagian penting dalam perjalanan setiap pelajar JIS untuk menyelidik dan memilih laluan pengajian tinggi yang paling sesuai.

Majlis dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan dan Penolong Ketua Sekolah Menengah JIS, Dan Roberts.

Keduanya menggariskan sokongan yang ditawarkan oleh JIS kepada para pelajar dari segi memilih laluan ke peringkat pengajian tinggi.

Para pelajar dan ibu bapa juga menghadiri sesi khusus yang memberikan maklumat terperinci tentang pendidikan tinggi di Australia, Kanada, Switzerland, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Juga diadakan ialah sesi yang melibatkan peluang pengajian tinggi merentasi rantau seperti Asia dan Eropah.

Pada masa yang sama, petak-petak maklumat, yang disediakan oleh wakil dari negara yang mengambil bahagian, menawarkan pelajar peluang untuk meneroka universiti dan program-program tertentu.

Turut hadir ialah wakil dari pelbagai institusi pengajian tinggi Brunei, termasuk Kolej Sains Kesihatan JPMC, Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (IGS), Kolej Perniagaan Laksamana (LCB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Di samping itu, pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan juga hadir untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar mengenai permohonan biasiswa dan skim pinjaman kepada pelajar Brunei.

Acara tersebut diadakan bukan saja untuk memberi inspirasi kepada pelajar untuk menyambung pengajian mereka di negara-negara tersebut, tetapi juga untuk menyediakan maklumat penting tentang kursus, proses permohonan, perbelanjaan, visa dan situasi imigresen serta peluang untuk pengajian lepasan ijazah dan kerjaya.

Pelajar dan ibu bapa berpeluang untuk bertemu dengan wakil dari Findlay untuk membincangkan bagaimana Profil Morrisby boleh membimbing hala tuju kerjaya dan aspirasi universiti mereka.

"Di JIS, kami berusaha untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk meneroka peringkat pengajian tinggi, sama ada dalam negara atau antarabangsa. Acara ini menjadi platform untuk keluarga terlibat dalam aktiviti perbincangan tentang laluan masa depan mereka dan untuk mendedahkan pelbagai kemungkinan menanti mereka."

Kami merakamkan ucapan terima kasih kepada wakil dari pelbagai institusi dan kedutaan kerana menyumbang kepada kejayaan acara ini dan memberi inspirasi kepada para pelajar untuk bermatlamat tinggi dalam aspirasi mereka," tambah Penolong Ketua Sekolah Menengah JIS, Dan Roberts.



SUASANA Malam Pengajian Tinggi Tahun 12 yang diadakan di Arts Centre, Sekolah Antarabangsa Jerudong baru-baru ini.

Memupuk masa depan lebih hijau, mampan



ANTARA yang menyertai penanaman pokok yang berlangsung di Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C), Lambak Kanan (atas dan bawah).



Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

LAMBAK KANAN, Khamis, 23 Januari. - Sekolah Perdagangan Politeknik Brunei (PB) baru-baru ini menganjurkan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan penanaman pokok, yang menandakan satu langkah penting ke arah memupuk masa depan yang lebih hijau dan mampan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara yang berlangsung di Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C), Lambak Kanan itu ialah Pengetua PB,

Dayang Hajah Armah binti Tengah.

Turut hadir Ketua Sekolah Perdagangan, Emily Tan Phek Suan serta para pensyarah dan pelajar.

Sebanyak 16 pohon pokok telah ditanam semasa acara itu, setiap satu mewakili satu langkah ke hadapan dalam memerangi perubahan iklim dan komitmen terhadap masa depan yang mampan.

Pokok-pokok ini adalah lebih daripada sekadar kehijauan malah

ia melambangkan pertumbuhan, perpaduan dan daya tahan.

Dengan setiap pokok yang ditanam, para peserta menyumbang kepada matlamat alam sekitar Brunei, mewujudkan legasi berkekalan yang akan terus memberi manfaat kepada generasi akan datang.

Usaha ini menekankan kuasa tindakan kecil dalam memacu perubahan yang bermakna, memberi inspirasi kepada orang lain untuk menyertai pergerakan ke arah planet yang lebih hijau dan lebih sihat.

Diraikan secara global pada 5 Disember, Hari Sukarelawan Antarabangsa menghormati sumbangan sukarelawan yang tidak ternilai dalam pembinaan komuniti dan negara.

Untuk memperingatinya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, melalui Jabatan Belia dan Sukan, melancarkan Kempen Hari Bertindak bermula dari 11 November 2024 hingga 31 Januari 2025.

Kempen ini bertujuan untuk memberi inspirasi kepada sukarelawan di keempat-empat daerah dan Sekolah Perdagangan dengan bangganya menyumbang kepada usaha ini dengan melibatkan belia dalam inisiatif penanaman pokok.

Projek yang memberi impak ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran tentang perubahan iklim tetapi juga menyemai semangat sukarelawan dalam kalangan peserta.

Selaras dengan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, ia menekankan kuasa tindakan kolektif dalam melindungi alam sekitar. Dengan setiap pokok yang ditanam, inisiatif itu menjadi simbol harapan, ketabahan dan komitmen, menyatakan pelajar dan masyarakat untuk mengambil tindakan demi masa depan yang mampan.



ePaper Pelita Brunei



KEMENTERIAN PENDIDIKAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN JUARA KEJOHANAN BOLA JARING HPA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Jumaat, 24 Januari. - Pasukan Kementerian Pendidikan dan Pasukan Kementerian Pembangunan dinobatkan juara masing-masing bagi Kategori Terbuka dan Kategori Veteran pada Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31, Tahun 2024.

Kejohanan yang diadakan selama tiga hari, iaitu pada 10, 17 dan 24 Januari 2025 berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanil Bolkiah.

Hadir menyaksikan perlawanan berkenaan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, selaku tetamu kehormat majlis.

Hadir sama ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar, Korporat dan Perancangan) KHEDN, Dayang Siti Norashikin binti Mohd. Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; dan Timbalan



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31.

Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Terdahulu, kejohanan menyaksikan dua perlawanan terakhir antara Kementerian Pembangunan menentang KHEDN bagi Kategori Veteran, sementara Kementerian Kesihatan menentang Kementerian Pertahanan bagi Kategori Terbuka.

Kejohanan berkenaan dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Bola

Jaring Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Kejohanan berkenaan disertai sebanyak 10 kementerian terdiri dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pertahanan, KHEDN, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Dua kategori telah dipertandingkan pada kejohanan berkenaan, iaitu Kategori

Terbuka dan Kategori Veteran. Manakala sistem perlawanan bola jaring adalah secara *round robin*.

Antara tujuan kejohanan berkenaan diadakan adalah untuk mengerakkan silaturahim antara kementerian-kementerian melalui pertemuan sukan yang melibatkan warga Perkhidmatan Awam di pelbagai peringkat usia dan kedudukan.

Kepelbagai aktiviti akan sentiasa dipergiat bagi melaksanakan hasrat bagi membawa warga Perkhidmatan Awam ke arah gaya hidup yang sihat serta kesihatan mental terjaga.

Perlawanan Badminton Persahabatan eratkan silaturahim

TANJONG NANGKA, Rabu, 22 Januari. - Seramai 22 pemain dari Pasukan Badminton Veteran Temburong mengadakan kunjungan dan seterusnya Perlwanan Badminton Persahabatan dengan Pasukan PBT Harmoni di Dewan

Satenaga, Kampung Tanjong Nangka, di sini.

Pasukan Badminton Veteran Temburong yang terdiri daripada tujuh beregu lelaki dan empat beregu wanita itu diketuai oleh Awang Haji Bahrun bin Haji Talib, yang juga mantan

Penghulu Mukim Amo, Daerah Temburong. Manakala Pasukan Badminton PBT Harmoni diketuai oleh Pengiran Damit bin Pengiran Sepaiudin.

Perlawanan Badminton Persahabatan tersebut antara lain bertujuan untuk

Berita dan Foto : Ihsan PBT Harmoni

mengerakkan lagi hubungan silaturahim antara pemain-pemain badminton veteran kedua-dua daerah.



PARA pemain yang menyertai Perlawanan Badminton Persahabatan semasa sesi bergambar ramai.

Tahukah Awda

PADA 1 Muharam 1422 Hijrah bersamaan dengan 26 Mac 2001 Masihi, satu undang-undang yang dinamakan 'Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184' telah dikuatkuasakan. Ia mengandungi peruntukan-peruntukan tertentu mengenai penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah, perlantikan, kuasa-kuasa Hakim Syar'ie dan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Syariah dan perkara-perkara lain berhubung dengan prosiding di Mahkamah-Mahkamah Syariah dan bagi pensabitan dan pengesahan anak bulan.

SUMBER : www.jkn.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA BERZIKIR MENGINGATI ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA